



Piala Dunia dan kita >> 6



Malaysia
3 - 12 Disember 2022
Semarak cinta seni
kraf warisan >> 9, 10 & 11



Ayam Goreng Berhantu tarik
perhatian ramai >> 21

wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 194 ● 9 - 15 DISEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my f Wilayahku @akbarwilayahku Wilayahku WK TV

Operasi Bersepadu tunda kereta tersadai



PERBADANAN Putrajaya (PPj) dan Bahagian Pengurusan Tanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri mengadakan Operasi Bersepadu buat julung kalinya untuk menunda kereta buruk dan tersadai yang terdapat di dalam pusat pentadbiran kerajaan ini.

Operasi berterusan itu dibuat selepas notis sebanyak tiga kali dikeluarkan oleh pihak BPH melibatkan 33 blok kuarters kerajaan di Putrajaya.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Kerajaan akan mudah, segerakan lesen niaga untuk peserta BMTKM

AZLAN ZAMBRY

PERMOHONAN tapak operasi berniaga yang strategik dan kemudahan lesen penjaja merupakan antara perkara yang ditimbulkan oleh peserta Program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) fasa kedua di Parlimen Bandar Tun Razak dalam sesi dialog bersama Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Sosio Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), **Datuk Parang Abai @ Thomas**.

Katanya, pihaknya sedang mengumpulkan semua maklumat dan bersedia untuk memudahkan golongan penjaja supaya dapat menjalankan perniagaan dan penjajaan di sekitar Kuala Lumpur.

"Kami ambil maklum dan KWP dengan kerjasama Dewan Bandaran Kuala Lumpur (DBKL) akan membantu memudahkan dan menyegerakan permohonan lesen itu khususnya dari dalam kalangan

peserta BMTKM ini," katanya kepada *Wilayahku* Rabu lalu.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk Dr Suhana Md Saleh; Ketua Projek BMTKM, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Dr Rohani Jani dan Pengurus DBKL Cawangan Bandar Tun Razak, Asyqoh Yusof.

Menjelas lanjut, Thomas mengakui bahawa tapak perniagaan yang terhad merupakan antara cabaran pihaknya namun pada masa sama akan menawarkan kaedah lain untuk peserta BMTKM maju dalam bidang perniagaan meskipun dijalankan secara kecil-kecilan.

"Kita mengakui mengenai tapak perniagaan yang agak terhad kerana ia turut dimohon oleh orang ramai, namun sekiranya peserta berdepan masalah untuk memasarkan produk yang dihasil-



THOMAS (tengah) sedang menyampaikan taklimat mengenai Program BMTKM fasa kedua di Bandar Tun Razak Rabu lalu.

kan, program ini akan membantu melalui latihan pemasaran secara online.

"Melalui program ini juga,

kerajaan melalui Universiti Malaya (UM) yang merupakan urus setia yang dilantik EPU sedang berkolaborasi dengan platform

pemasaran digital *Shopee* untuk memberikan latihan supaya mereka mampu bersaing dalam perniagaan secara atas talian," katanya.

Tambahnya, perjumpaan bersama peserta akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memantau perkembangan sekali gus memastikan peserta tidak ketinggalan untuk keluar dari kepompong miskin tegar.

Jelasnya, untuk fasa kedua ini terdapat tiga kawasan parlimen yang terlibat iaitu Bandar Tun Razak, Titiwangsa dan Batu

"Untuk Parlimen Bandar Tun Razak sahaja, terdapat 122 orang peserta yang telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun mengikut data yang ada, hampir 300 keluarga yang termasuk dalam kategori miskin tegar di kawasan ini.

"Kita akan berusaha untuk memastikan mereka yang tercicir dimasukkan dalam program ini sepanjang ia berlangsung," katanya.

WK

Pentingkan diri, salah guna kemudahan parkir

SABRINA SABRE

DARI MUKA DEPAN

SEANYAK 31 buah kenderaan terbiar ditunda dalam satu Operasi Bersepadu (Ops) yang dijalankan oleh Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Tanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri di kuarters sekitar Putrajaya.

Menurut Pengarah Penguat Kuasa PPj, **Mohd Ali Jusoh**, ops tersebut dijalankan bagi memastikan parkir kenderaan dapat digunakan secara optimum di samping membantu meredakan masalah kekurangan parkir di kawasan kuarters kerajaan Putrajaya.

"Tindakan ini dibuat susulan terdapat aduan daripada penduduk mengenai kereta terbiar yang tidak digunakan diletakkan di kawasan tempat letak kereta. Kenderaan tersebut kebanyakannya adalah milik penghuni kuarters tetapi sudah rosak dan dibiarkan tersadai oleh kerana memerlukan kos yang tinggi untuk dibaiki."

"Meskipun pihak BPH telah memberikan notis sebanyak tiga kali sebelum tindakan penarikan dibuat, pemilik lebih rela kenderaan mereka ditunda bagi mengurangkan kos bayaran untuk mengalihkan kenderaan terbabit," katanya ketika ditemui pemberita dalam Ops Menunda Kereta Buruk Terbiar Dan Tersadai di Kuarters BPH, Presint 14 pada Rabu.



PENGUAT kuasa PPj dalam operasi tundaan kereta buruk di sekitar Presint 14, Putrajaya Rabu lalu.



MOHD ALI

Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata tindakan seterusnya perlu diambil pihak PPj sekiranya mana-mana pemilik gagal mengalihkan kenderaan dan tidak dapat dihubungi sepanjang tempoh ditetapkan.

"Setelah membuat semakan dan siasatan dengan pihak bank, polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), tindakan susulan akan diambil oleh pihak kami untuk menarik keluar kenderaan terbabit. Selepas itu, kenderaan ini akan dibawa ke Depoh Kenderaan Tersadai PPj di Presint 20 dalam tempoh enam bulan sebelum dilupuskan."

"Untuk menuntut semula kenderaan yang telah ditunda, mereka perlu membayar upah

tarik sebanyak RM100, kompaun bernilai RM150 dan bayaran simpan kereta RM10 sehari," tambahnya pemilik kenderaan perlu mengemukakan dokumen serta pengenalan diri dan sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat, pihaknya akan melaksanakan proses melupus.

Terdahulu, pihak PPj sudah menunda lebih 400 kenderaan tersadai di kuarters kerajaan sekitar Putrajaya sejak 2016 bagi memastikan tiada penghuni yang mengambil sikap mementingkan diri selain menyalahgunakan kawasan parkir dengan kenderaan terbabit.

"Sebelum ini, daripada jumlah yang ditunda, hanya satu dua sahaja yang menuntut kenderaan mereka semula manakala selebihnya telah dilupuskan menjadi besi buruk dengan kos

anggaran RM100,000.

"Pada tahun lalu, PPj sudah melupuskan 60 buah kenderaan menjadi besi buruk dengan kos RM16,000 bagi memberi pengajaran dan mendidik penghuni kuarters untuk menggunakan kemudahan parkir dengan sewajarnya," jelasnya sikap mementingkan diri dan menganggap parkir kenderaan adalah milik hakiki harus disangkal kerana ianya adalah kemudahan yang perlu dikongsi bersama jiran dan penghuni yang lain.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan operasi dengan kerjasama BPH ini akan diteruskan dari masa ke masa membabitkan 33 blok kuarters kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam kalangan penduduk selain mengelak unsur tidak sihat di kawasan kejiranan.

"Selain di Presint 14, operasi kali ini sudah mengenal pasti 31 kenderaan buruk yang akan ditunda membabitkan Presint 15 dan Presint 9. Operasi ini juga bertujuan memupuk semangat dan sikap penduduk daripada mementingkan diri sendiri dengan menyalahgunakan kawasan parkir yang terhad."

"Kami berharap penghuni akan lebih bertanggungjawab dan menghargai kemudahan yang disediakan serta tidak menyalahgunakan kemudahan itu untuk kepentingan diri sendiri," tegasnya.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Bahagian BPH, Mohd Shahru Nizam Mohd Salleh dan Penolong Pegawai Penguat Kuasa PPj, Musa Ahmed. WK

Kos baiki kereta tinggi, rela dibiarkan tersadai

MESKIPUN telah diberikan notis sebanyak tiga kali untuk mengalihkan kenderaan yang tersadai, namun ia masih tidak diendahkan oleh pemilik di kawasan sekitar kuarters kerajaan Putrajaya.

Malah, pemilik kenderaan rela menunggu kenderaan mereka ditunda oleh Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) kerana kos tersebut perguna berbanding mengupah pihak luar untuk mengalihkan kenderaan tersebut ke tempat lain.

Sikap tidak bertanggungjawab tersebut menyusahkan banyak pihak terutamanya penduduk untuk meletakkan kenderaan selain mencacatkan pemandangan di sekitar kuarters kerajaan tersebut.

Mengambil langkah proaktif, Unit Penguat Kuasa PPj giat melaksanakan Operasi Bersepadu (Ops) Menunda Kereta Buruk Terbiar Dan Tersadai di 33 Blok Kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) pada 7 hingga 9 Disember 2022. WK

Pakar Jepun bantu rangka strategi tangani banjir kilat Kuala Lumpur

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur telah menempatkan sekumpulan pakar dari negara Jepun untuk membantu merangka pelbagai strategi jangka masa panjang untuk menangani masalah banjir kilat di ibu negara.

Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, **Datuk Sulaiman Mohamed** berkata langkah itu merupakan sebahagian daripada komitmen DBKL untuk memastikan kejadian banjir kilat di bandar raya Kuala Lumpur dapat diatasi ketika berlaku hujan lebat.

"DBKL dengan kerjasama J.CLAIR Singapura telah mengaturkan satu bengkel bertajuk 'Pengurusan Banjir' dan menempatkan pakar dari Jepun, Ketua Teknikal, Bahagian Penyelenggaraan Sungai, Pejabat Kerja Raya (Ogawara), Kerajaan Miyagi, Hiroshi Atsushi selama empat hari bagi projek tersebut.

"Beliau mempunyai pengalaman dalam pengurusan

dan perancangan kumbahan (air hujan) serta pengurusan sungai. Beliau juga mampu memberi tumpuan dan berkongsi amalan terbaik, pandangan, kaedah membuat perbandingan berhubung perkara-perkara yang berkaitan," katanya dalam ucapan penutup bengkel Specialist Despatch Project For Kuala Lumpur City Hall (DBKL) Jumaat lalu.

Menjelas lanjut, Sulaiman berkata penempatan pakar dari negara matahari terbit itu dilakukan untuk mengkaji dan mengenal pasti kapasiti saliran air sungai semasa di bawah seliaan DBKL selain mengenal pasti punca banjir kilat di Kuala Lumpur.

"Selain itu, ia untuk menyediakan kaedah penyimpanan dan penggunaan semula air hujan berdasarkan pengalaman dari Wilayah Miyagi, Jepun; dan untuk merangka dan merancang pengaliran air hujan di Kuala Lumpur," katanya.

Jelas Sulaiman, dalam program ini juga telah diadakan beberapa lawatan tapak Projek On-site Storage



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (kiri) menerima cenderahati yang disampaikan oleh Ketua Teknikal Penyelenggaraan Sungai, Pejabat Kerjaya Miyagi, Jepun, Hiroshi Atsushi dalam program penempatan selama empat hari di DBKL baru-baru ini.

Detention Pond (OSD) Taman Tasik Botani Perdana yang merupakan 'catchment' Sungai Bras-Bras.

"Selain itu, mereka juga melawat ke Empangan Batu yang menjadi tempat bekalan sumber air mentah

Lumpur," katanya.

Mengulas mengenai lawatan tapak itu, Sulaiman berkata ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan gambaran kepada semua peserta bengkel berkenaan dengan kaedah atau solusi yang diperlakukan oleh pengurusan DBKL bagi mengatasi masalah banjir kilat di bandar raya Kuala Lumpur.

"DBKL juga berbesar hati menerima segala idea dan pandangan dari pihak pakar berkenaan kaedah kerja yang digunakan berdasarkan pengalaman bencana alam yang pernah mereka alami ketika kejadian tsunami atau gempa bumi berlaku," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menzhirkan harapan agar kerjasama dua pihak ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan mencadangkan agar program ini dapat dilaksanakan di Daerah Miyagi, Jepun juga supaya pihak pengurusan DBKL dapat melihat secara langsung dan belajar kaedah pengurusan mitigasi banjir yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa Miyagi, Jepun. **WK**

Pemeriksaan imigresen pandu lalu di Terminal Feri Labuan lancar

PEMERIKSAAN imigresen secara pandu lalu sepenuhnya di Terminal Feri RO-RO (Roll On-Roll Off) di sini berjalan lancar, dan rata-rata pengembara yang ingin ke tanah besar Sabah berpuas hati dengan proses itu.

Menerusi kaedah baharu itu yang dilancarkan baru-baru ini, pemandu dan penumpang tidak perlu keluar dari kenderaan, hanya menunjukkan dokumen perjalanan (kad pengenalan) mereka kepada petugas imigresen di kios pandu lalu untuk pengesahan.

Bernama melaporkan, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Ismail** berkata konsep pemeriksaan secara pandu lalu itu akan memberikan perkhidmatan yang selesa kepada pengembara terutamanya warga emas, wanita hamil dan mereka

yang membawa anak kecil serta Orang Kurang Upaya (OKU).

"Kami menjangkakan rungutan orang ramai apabila memperkenalkan dasar baharu terhadap semakan dokumen perjalanan.

"Justeru, kami akan memastikan pemeriksaan ini tidak membebankan orang ramai sebaliknya memudahkan proses untuk aliran trafik ke feri yang lancar," katanya pada Selasa.

Beliau berkata kaedah pandu lalu itu diperkenalkan selepas orang ramai mengkritik proses pemeriksaan imigresen di terminal feri itu yang dilaksanakan bermula 1 November lepas, dikatakan menyarkkan pengembara yang terpaksa beratur panjang untuk pelepasan.

Rithuan juga sekali lagi meng-

ingatkan pengembara untuk menyediakan dokumen perjalanan mereka lebih awal sebelum menghampiri kios imigresen di terminal supaya proses aliran keluar pengembara ke feri lebih lancar.

Sementara itu, Mohd Ismail Said, 47, yang ditemui di terminal

berkata pandu lalu ialah kaedah terbaik dan berharap konsep itu turut dilaksanakan di Terminal Feri Menumbok bagi mengelakkan pengguna beratur panjang dan lama.

"Kaedah ini memudahkan saya dan ahli keluarga, kami hanya duduk di dalam kereta dan menunjukkan kad pengenalan kepada kakitangan imigresen di kios dan kurang dari tiga minit semuanya selesai," katanya.

Kementerian Dalam Negeri pada 10 September lepas mengarahkan Jabatan Imigresen untuk menguatkuasakan kawalan lebih ketat di dua Terminal Feri Labuan terutamanya untuk pengembara bukan

dari Sabah yang menuju ke tanah besar Sabah.

Kawalan ketat itu diperlukan bagi memastikan tiada aliran bebas pengembara di pintu utama terminal feri ke tanah besar Sabah melalui Jeti Tanjung Pagar Sipitang, Menumbok dan Jesselton.

Pemeriksaan imigresen lebih ketat di terminal itu adalah atas permintaan kerajaan Sabah kerana terdapat dakwaan mengenai penyalahgunaan dasar aliran bebas di terminal berkenaan yang menyebabkan jumlah kemasukan ke Sabah tidak terkawal. **WK**



PEMANDU dan penumpang hanya perlu duduk di dalam kereta dan menunjukkan kad pengenalan kepada kakitangan imigresen di kios.

LEBIH 20,000 PESAKIT KANSER BAHARU DIKESAN SETIAP TAHUN

Purata usia bagi seorang pesakit adalah **lebih 40 tahun**

Namun sejak dua tahun lalu, pesakit kanser baharu dalam lingkungan usia **lewat 20-an hingga awal 30-an meningkat**

JENIS KANSER TERTINGGI IKUT JANTINA

Lelaki	Wanita
Usus	Payudara
Paru-paru	Kolorektal / usus
Prostat	Pangkal rahim
Limfoma	Paru-paru
Nasofarinks	Ovari
Hati	Corpus uteri
Leukemia	Limfoma
Perut	Tiroid
Kulit	Leukemia
Pundi kencing	Kulit

Dr M. Muralitharan

Pesakit kanser (cancer survivor) yang hidup dengan pelbagai penyakit barah di Malaysia kini **kira-kira 100,000 orang**

Jumlah pesakit kanser pangkal rahim menurun dalam beberapa tahun ini diperdayai ekoran pemberian vaksin HPV bermula di peringkat sekolah

HPV-virus papiloma manusia

Sumber : Pengurusan Usus, Perbadanan Kesehatan Kesrigaan Malaysia (PKKM) Dr M. Muralitharan

Publikasi 2-Okt-2022

Pelihara kebajikan pelajar

UMS tubuh Pusat Pengurusan OKU

SABRINA SABRE

ORANG Kurang Upaya (OKU) adalah individu yang dilahirkan dalam keadaan tidak sempurna fizikal atau mentalnya. Pelbagai usaha dilakukan bagi membantu golongan istimewa ini menjalani kehidupan sempurna seperti manusia biasa.

Justeru itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Pusat Pengurusan OKU bagi memastikan kebajikan mereka terjaga dan terpelihara serta tidak dipinggirkan dalam kelompok masyarakat.

Menurut Pengaruhnya, Dr Zaiton Mohamad (K.B.P.A.), pihak UMS turut menyediakan tempat kediaman mesra OKU kepada mahasiswa dan mahasiswa bertempat di Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

Kediaman ini tersedia dengan kemudahan lain seperti peralatan percetakan, brailler, peralatan pandang dengar, mesin pejabat seperti talking scientific calculator dan perisian jaws screen reader bagi melengkapkan keperluan golongan pelajar ini.



ZAITON

"Selain itu, van khas OKU bagi pergerakan di luar kolej kediaman dan peralatan sokongan seperti kerusi roda, tongkat kaki empat, tongkat siku dan tongkat ketiak turut disediakan untuk kemudahan pergerakan setempat," tambahnya pengurangan 50 peratus yuran pengajian serta kad diskau siswa OKU turut diperkenalkan bagi menyuntik semangat mereka untuk belajar dengan lebih baik.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Madya Dr Raman Noordin berkata kebajikan mahasiswa dan mahasiswa

di UMS amat dititikberatkan oleh pihak pengurusan di mana terdapat polisi dan tatacara piawaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) siswa OKU digunakan dalam memberikan mereka keadilan bersaing secara sihat dengan pelajar yang lain.

"Dasar inklusif OKU, UMS juga telah digubal dan diguna pakai dalam menjaga kemashlahatan mereka.

Terbuktilah, masyarakat yang prihatin dan positif terhadap OKU amat penting bagi keharmonian sesebuah negara. Kewujudan



LALUAN khas kegunaan golongan OKU yang berkerusi roda merupakan antara kemudahan infrastruktur asas yang ditawarkan di UMS.

golongan ini tidak harus dinafikan sebaliknya kehadiran mereka perlu diraikan.

"Walau bagaimanapun, sikap negatif, prejudis dan stereotaip yang mengundang kebencian terhadap golongan ini juga perlu dikenali dalam kotak fikiran masyarakat dengan mendedahkan pelbagai maklumat dan pengetahuan yang mendalam tentang golongan OKU," tegasnya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Kasim Mansor menyatakan golongan OKU ini perlu dilihat sebagai anugerah

Allah SWT yang hadir dalam sesebuah masyarakat itu sebagai ujian kepada mereka yang sempurna.

"Oleh itu, anggota masyarakat baik di kampus atau di mana sahaja perlu sedar akan amanah dan tanggungjawab yang diberikan ini dalam memastikan OKU dibela sewajarnya," katanya.

Terdahulu, jumlah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 31 Ogos 2022 adalah seramai 619,273 orang. Kajian mendapati bahawa Nilai Indeks Kebahagiaan OKU-Fizikal Malaysia adalah 65.79 peratus. WK

Jumlah penduduk Bumiputera dianggar 21.13 juta tahun ini - DOSM

PENDUDUK bumiputera pada tahun ini dianggarkan seramai 21.13 juta dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.1 peratus daripada 20.9 juta orang tahun lepas, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

DOSM dalam kenyataan memaklumkan, jumlah penduduk lelaki ialah 10.69 juta mengatasi perempuan dengan 10.44 juta dengan nisbah jantina adalah 102 lelaki ber-

banding 100 perempuan.

"Dari segi perangkaan demografi, bilangan kelahiran hidup bagi bumiputera pada 2021 adalah 357,140 dengan jangkaan hayat ketika lahir adalah 70.5 tahun bagi lelaki dan 74.7 tahun bagi perempuan.

"Sementara itu, kadar kesuburan jumlah bagi seorang wanita bumiputera adalah 2.1 pada 2021 berbanding 2.2 pada 2020," menurut

kenyataan itu.

Statistik Bumiputera 2022 diterbitkan buat julung kali pada Rabu yang memaparkan statistik berkaitan bumiputera dalam bidang sosial dan ekonomi di peringkat nasional dan negeri dari 2017 hingga 2022.

Menurut DOSM, bilangan kematian bagi bumiputera yang dicatatkan pada 2021 adalah 138,868 dengan tiga sebab utama yang

disahkan secara perubatan adalah jangkitan COVID-19 dengan 17,654 kematian, penyakit jantung iskemik (13,563) dan pneumonia (10,914).

Mengenai tenaga buruh, seramai 9.26 juta tenaga buruh pada 2021 adalah bumiputera yang terdiri daripada 5.58 juta lelaki dan 3.68 juta perempuan.

"Pada 2021, berdasarkan pencapaian pendidikan, sumbangan

tenaga buruh bumiputera yang berpendidikan peringkat menengah dan ke bawah adalah 64.8 peratus manakala 35.2 peratus tenaga buruh bumiputera berpendidikan tinggi," tambahnya.

Kenyataan itu memaklumkan, kadar pengangguran dalam kalangan bumiputera adalah lima peratus pada 2021 berbanding 4.5 peratus pada 2020. - BERNAMA



Ubah suai flat sesuka hati

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesahkan perbuatan penghuni flat di lima kawasan yang sering melakukan ubah suai ke atas kediaman tanpa kebenaran atau kelulusan DBKL. Para pemilik ini didapati melakukan pengubahsuaian secara melampau melanggar peraturan.

Lima kawasan yang dikenal pasti ialah Flat Kos Rendah Kuchai Entrepreneurs Park di Jalan Kuchai Lama; Flat Sri Langkawi, Flat Kos Rendah Seksyen 2, Flat Kos Rendah Seksyen 4 dan Pangaspuri Andika, semuanya di Setapak, Kuala Lumpur.

Kebanyakan penghuni melakukan ubah suai sesua hati menurut cita rasa masing-masing. Ini khususnya dilakukan oleh penghuni yang tinggal di unit bahagian tepi dan unit bawah.

Unit bahagian tepi yang merupakan unit akhir dianggap tidak menganggu jiran jika diubah suai. Malah ada yang memasang pagar di unit mereka kerana beranggapan tidak menghalang pergerakan penghuni lain disebabkan unit mereka berada di hujung.

Di bahagian bawah pula, binaan tambahan dibina kerana beranggapan kawasan kosong yang ada boleh diguna sesuka hati. Kerja ubah

suai ada yang sehingga menutup longkang atau menghalang laluan. Kerana itu kerja penyenggaraan DBKL tidak dapat dilakukan.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham setiap orang ingin memiliki tempat kediaman, dan seboleh-bolehnya biarlah kediaman itu luas dan selesa. Didorong oleh semangat inilah mereka melakukan ubah suai terhadap flat, terutama bagi yang berkeluarga besar.

Namun penghuni mesti faham mereka tidak boleh sesua hati membuat ubah suai. Peraturan ini terpakai kepada semua pemilik rumah dalam bidang kuasa DBKL. Ubah suai memerlukan pelan yang diluluskan oleh DBKL sebelum kerja pembinaan boleh dimulakan.

Ingin kawan-kawan Kedai Kopi ingatkan, DBKL mempunyai kuasa bertindak terhadap penghuni yang melakukan ubah suai secara haram. Bukan sahaja boleh dikenakan kompaun tetapi binaan tambahan boleh diroboh.

Penghuni flat harus faham peraturan yang ditetapkan oleh DBKL adalah untuk kepentingan bersama seluruh penghuni serta memupuk semangat kejiranan dalam suasana kediaman yang tenteram dan harmoni. Matlamat ini mestilah dipertahankan.

Tiada plastik di premis DBKL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguatkusakan peraturan melarang kakitangan menggunakan plastik sekali guna di semua premis DBKL. Staf DBKL tidak dibenar membawa plastik

ke tempat kerja, termasuk untuk membawa maklumat atau keperluan lain.

Langkah yang diumumkan oleh Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah bertujuan menanam sikap mengurangkan penggunaan plastik di kalangan staf DBKL. Pihak lain yang berurusan dengan DBKL juga perlu berhati-hati kerana larangan ini juga terpakai kepada mereka. Tiada plastik dibenarkan dalam sebarang urusan dengan DBKL.

Ini termasuk pengusaha perniagaan di Menara DBKL 1 dan 2 di Jalan Raja Laut, juga di Menara 3 di Kampung Baru. Larangan juga dikuat kuasa kepada khidmat penghantaran makanan. Mereka tidak dibenarkan menggunakan plastik sebagai pembungkus makanan. Begitu juga penyedia bekal untuk acara dalaman DBKL.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyifatkan langkah DBKL ini sebagai proaktif dalam usaha mengikis sikap menggunakan plastik dalam kalangan kakitangan DBKL dan pihak yang berurusan dengan DBKL. Mereka adalah pelopor sebelum peraturan ini diperluas ke seluruh bandar raya.

Ini bersesuaian dengan matlamat DBKL menghapuskan bahan tidak terbiodegradasi menjelang tahun 2030. Seperti kita maklum, plastik adalah bahan yang mengambil masa lama untuk dikitar semula berbanding kertas atau kayu.

Dianggarkan 40 peratus daripada sisa yang dijana di premis DBKL adalah plastik sekali guna. Kerana itu memang sesuai DBKL mengawal penggunaan bahan ini dan mengurangkan

penggunaan di seluruh bandar raya secara berperingkat.

Kebanyakan kedai, pasar raya atau premis perniagaan sudah menghentikan penggunaan plastik sebagai pembungkus barang belian. Jika mahu juga, caj harga beg plastik dikenakan kepada pengguna.

Tiada plastik adalah langkah baik untuk menggalakkan orang ramai tidak menggunakan beg plastik. Kerana itu pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi matlamat sebenar tidak dicapai jika plastik masih disediakan.

Sepatutnya, mesti tidak ada plastik sama ada secara berbayar atau tidak. Tapi nampaknya ia sudah menjadi perniagaan pula. Beg plastik dijual kepada yang mahu. Ramai sedia membeli kerana lebih mudah untuk membawa barang belian.

Namun ada juga pembeli yang mengambil inisiatif membawa beg sendiri dari rumah. Langkah ini selain menjimatkan belanja juga menyerahkan kesedaran mereka untuk tidak mencemar persekitaran dengan bahan plastik.

Di negara maju, plastik sudah lama tidak digunakan. Barang belian dimasukkan ke dalam bekas kertas pelbagai saiz. Kerana itu masalah pencemaran akibat penggunaan plastik dapat dihindarkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham pada peringkat awal staf DBKL dan yang berurusan dengan DBKL mungkin merasa kekok dan tidak selesa kerana sudah terbiasa dengan plastik. Tetapi tidak mengapa, lama kelamaan ia akan menjadi lumrah. Alah bisa tegal biasa.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm866@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@ayasanwp.org.my



Inilah Masanya! Cuti-Cuti Malaysia!



Gunung Kinabalu, Sabah

Inilah masanya! Terokai pengalaman mengujakan dengan menakluki puncak tertinggi di Malaysia.

Ikuti kami di Facebook untuk cabaran seterusnya.



CUTI-CUTI
MALAYSIA



Imbas Kod QR untuk
Risalah Digital Interaktif

GET IT ON
Google Play

Download on the
App Store



www.malaysia.travel



Ikuti kami: Malaysia Truly Asia



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

KETIKA ini banyak restoran mamak masih meriah dengan pelanggan walaupun jarum jam sudah menunjukkan pangkal pagi. Pelanggan tidak bergerak untuk pulang kerana mata masing-masing melekat pada skrin – melihat aksi pemain bola sepak yang lincah di Piala Dunia.

Pekerja restoran tidak menang tangan mengambil tempahan, paling banyak tentulah teh tarik yang menjadi penyegar mata yang beransur layu atau mi goreng mamak untuk mengisi perut yang mulai berkeroncong selepas melintas hari yang lain.

Mereka diam dan sesekali bertempik sorak seolah-olah semua itu didengar oleh pemain-pemain di atas padang di Doha, Qatar. Seolah-olah mereka berpekkik di tepi padang yang menjadi gelanggang Piala Dunia yang sudah berusia 92 tahun pada tahun ini.

Musim Piala Dunia empat tahun sekali itu adalah pesta yang penuh keseronokan kepada peminat tegar bola sepak. Walaupun sebahagian besar dalam kalangan mereka sudah berbelas tahun tidak pernah menyentuh bola, akan tetapi aksi semasa menonton Piala Dunia seolah-olah sebaliknya.

Saban malam selama dalam bingkai masa hampir sebulan itu peminat bola sepak sanggup ‘berjaga’ dan kemudian terseksa melawan mengantuk di tempat kerja esoknya. Mereka tahu akan penyelesaian itu, akan tetapi sihir bola sepak memang sukar untuk dielak. Sesetengahnya memang peminat tegar, tidak kurang juga sekadar ikut trend supaya dilihat tidak ketinggalan.

Khabarnya peminat bola sepak mendapat kepuasan yang tidak terhingga apabila pasukan yang disokong menjadi juara. Kalau tidak pun dapat melayakkan diri ke peringkat akhir. Tidak setak itu, tidak sah menjadi penyokong pasukan negara tertentu kalau tidak memakai jersinya.

Disebabkan waktu di Qatar lewat lima jam berbanding Malaysia, perlawanan yang diadakan pukul 8 atau 9 malam di sana akan ditonton pada awal pagi di Malaysia. Bayangkan dalam keadaan tidur yang

“ Hebatkah menjadi peminat tegar bola sepak Piala Dunia? Jawapannya ada pada diri masing-masing. Fikir-fikirlah sendiri yang kita dapat. Akan tetapi suatu yang tidak boleh dinafikan, Piala Dunia adalah cendri keseronokan yang diberikan oleh para kapitalis untuk mengaut untung.

tidak cukup, mereka membawa mengantuk itu ke tempat kerja. Oh demikian mereka sanggup menghadapi semuanya.

Banyak juga dalam kalangan majikan merungut bahawa produktiviti menurun ketika musim Piala Dunia. Secara rambang banyak pekerja lelaki tidak mampu menjalankan tugas dengan sempurna kerana mengantuk. Memang nasiblah majikan mendapat pekerja ‘kaki bola’ yang tidak dapat membezakan antara minat dan tanggungjawab.

Ironinya, sekalipun kegiatan peminat bola sepak kita sangat luar biasa, akan tetapi pretasi pasukan negara mencorot dan bertaraf kampung. Walaupun terpaksa membayar gaji pemain import yang begitu tinggi, pencapaian di gelanggang antarabangsa sangat memalukan.

Saya masih ingat lagi pencapaian pasukan negara yang hebat pada tahun 1970-an dan 1980-an dulu. Lawan pasukan negara kita bukan ‘cikai.’ Misalnya pasukan negara berlawan dengan Korea Selatan. Pasukan setaraf Vietnam kita tidak pandang kerana sudah jauh di depan.

Akan tetapi gaji pemain-pemain pasukan kita waktu itu tidaklah bertaraf kayangan. Tidak setinggi selepas tercetus kegilaan yang gila untuk mengambil pemain import. Walaupun bergaji rendah pasukan yang terdiri daripada anak semua bangsa di negara ini digeruni.

Akan tetapi selepas pemain diberi gaji besar, pasukan kita terus berbangga menjadi jaguh kampung. Berlawan pula dengan pasukan yang dulunya sangat lemah seperti Vietnam dan Laos. Korea Selatan? Jangan tanya nanti mendapat malu. Korea Selatan bukan lagi dalam ranking



MUSIM Piala Dunia empat tahun sekali itu adalah pesta yang penuh keseronokan kepada peminat tegar bola sepak.

kita.

Hebatkah menjadi peminat tegar bola sepak Piala Dunia? Jawapannya ada pada diri masing-masing. Fikir-fikirlah sendiri yang kita dapat. Akan tetapi suatu yang tidak boleh dinafikan, Piala Dunia adalah cendri keseronokan yang diberikan oleh para kapitalis untuk mengaut untung.

Memanglah Piala Dunia dan banyak lagi berkaitan bola sepak dianggap sukan. Untuk mlariskan cendri keseronokan itu dijaja pula bahawa ini adalah pendukung semangat kesukanan yang merentas warna kulit, agama dan budaya. Hakikatnya tidak ada semangat kesukanan pun, hanya yang ‘pembaris’ sahaja mempercayai semua itu.

Penduduk dunia sudah menerima Piala Dunia sebagai ritual yang wajib diikut serta, dilibatkan dan membentuk kelompok-kelompok yang berlawanan antara satu dengan lain. Mereka memilih untuk memihak seperti khalayak purba di Rom memihak kepada gladiator yang berlawan kekuatan di Coliseum.

Demikian hebatnya Piala Dunia yang mampu menenggelamkan seketika realiti hidup apabila menghamparkan eskapisme yang datang empat tahun sekali. Temasya bola sepak yang umpama cendri ini membuatkan orang lupa seketika pada realiti. Mereka larut dan terbenam dalam keterujaan yang sangat spektakular.

Media adalah paksinya.

yang diperagakan media.

Sosiolog Itali, Umberto Eco dalam bukunya *Faith in Fakes: Travels in Hyperreality* (1986) menganggap sukan bola sepak khususnya dalam Piala Dunia sebagai antitesis kepada hiruk-pikuk politik dunia yang penuh dengan penindasan dan pembunuhan.

Peminat tegar Piala Dunia selesa berada dalam hiper realiti ciptaan neo-kapitalis yang penuh dengan keseronokan dan keterujaan.

Maka tidak hairanlah dianggarkan lebih 37 bilion penonton akan mengikuti perlawanan akhir Piala Dunia tahun ini. Statistik ini tentu sekali sangat baik kepada kapitalis yang menjadi penaja dan memperagakan jenama. Demikianlah adat dunia, yang kurang sedar menjadi makanan yang cerdik, pintar dan ligat.

Dialog dari meja sebelah di sebuah restoran mamak di Kuala Lumpur ketika saya menyiapkan tulisan ini semuanya mengenai bola. Ulasan dan kesimpulannya bagaikan sudah dibingkai oleh para kapitalis penggerak pesta bola sepak terbesar ini. Piala Dunia melenyapkan realiti yang duka dan luka manusia di planet bumi ini.

SAJAK

AKAR PERPADUAN

Pohon yang rendang
Catatan Untuk Isteri

Maaf,
Bersamaku
Kau tak punya
Sebarang peluang
Nikmati hidup senang
Untuk dapat datin
Jauh langit
Dari bumi.

ENTAH MENGAPA

Entah mengapa
Yang jauh
Terasa dekat
Seperti cincin
Dengan jari
Yang dekat
Terasa jauh
Seperti langit
Dengan bumi.

Aladin Mohamad
Rim 8 Jasin, Melaka.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Banjir: Usah salahkan terowong SMART

SETIAP kali berlaku banjir di ibu negara, perkara pertama yang bermula dalam fikiran warga kota ialah bagaimana banjir boleh melanda sedangkan wujud terowong SMART yang dibina dengan fungsi khusus memastikan limpahan air dialih arah serta banjir dielakkan?

Secara sinis, ramai mempersoal apa gunanya SMART—The Stormwater Management and Road Tunnel (Terowong Pengurusan Air Ribut dan Jalan)—yang dibuka pada Mei 2007 selaku terowong saliran banjir dan lalu lintas jika ia tidak mampu mengatasi masalah banjir di ibu kota?

Untuk rekod, terowong SMART sepanjang 9.7 kilometer bermula dari Sungai Klang di utara sehingga Sungai Kerayong di selatan. Mula dibina pada 2003 dan siap pada 2007 dengan kos RM1.9 bilion, ia merupakan terowong terpanjang di Malaysia dan Asia Tenggara serta kedua terpanjang di Asia.

Terowong SMART mempunyai dua fungsi. Pertama mengalihkan air banjir ke dua kawasan tadahan. Kedua, melicinkan pergerakan lalu lintas dengan jarak laluan kenderaan sepanjang empat kilometer.

Jadi kenapa masih berlaku banjir dengan kehadiran SMART? Tanggapan umum ialah air hujan yang melimpah di Kuala Lumpur sepatutnya dialihkan sepenuhnya oleh terowong ini dan banjir tidak berlaku.

Bagi Adi ini adalah andaian umum orang ramai tidak faham fungsi terperinci SMART dan tahap kemampuannya mengekang banjir. Bukan bermakna kerana ada SMART, banjir tidak berlaku.

Terowong SMART mempunyai kawasan liputan tersendiri dan terhad, bukan menyeluruh di seluruh pelosok ibu negara. Kerana itu, apabila berlaku hujan lebat, SMART hanya berupaya mengalih laluan air dalam kawasan yang telah ditentukan.

Adi ingin petik penjelasan Ketua Pegawai Operasi pertama SMART, Mohd Fuad Kamal Ariffin, seperti yang dilaporkan media. Menurut beliau, banjir biasanya kerap berlaku di kawasan di luar liputan SMART. Keadaan lebih buruk jika sistem saliran di kawasan berkenaan tidak diurus dengan baik.

Kawasan liputan terowong SMART termasuk Masjid Jamek, Lebuh Ampang, Jalan Melaka, Dataran Merdeka, Dang Wangi, Lebuh Pasar dan Dayabumi. Kawasan ini merangkumi 45 peratus daripada seluruh kawasan terdedah banjir di Kuala Lumpur.

Ini bermakna terowong



TEROWONG SMART mempunyai kawasan liputan tersendiri dan terhad, bukan menyeluruh di seluruh pelosok ibu negara.

SMART mengurus banjir di hampir separuh daripada keseluruhan kawasan yang biasa dilanda banjir. Adi difahamkan, sejak pembukaannya pada Mei 2007, terowong ini telah mengalihkan air banjir 40 kali dan mengelakkan kerugian akibat kemasuhan harta awam bernilai RM1.4 bilion.

Menghadam penjelasan Mohd Fuad membolehkan orang ramai faham kenapa banjir masih berlaku di beberapa kawasan di luar liputan terowong SMART. Kerana itu apabila ia berlaku, jangan terus menuding jari kepada terowong tersebut.

Sistem saliran di kawasan yang dilanda banjir mesti sentiasa diurus dan dijaga dengan baik. Sistem yang tidak dijaga dengan sempurna, seperti dipenuhi sampah atau sisa buangan pembangunan, boleh menyebabkan gangguan laluan air. Akibatnya pegerakan air tidak lancar menyebabkan banjir.

Terowong SMART sendiri pun memerlukan penyenggaraan teliti bagi memastikan ketahanan dan keberkesanan fungsi dapat dipertahan. Menurut Mohd Fuad, ketahanan dan kekuatan terowong itu bergantung kepada berapa kerap ia digunakan untuk mengalirkannya.

Ini kerana setiap kali terowong berfungsi, bukan sahaja memberi kesan kepada struktur terowong itu tetapi juga peralatan berkaitan yang digunakan dalam proses pengaliran air. Justeru pemeriksaan berkala perlu dijalankan.

Dalam situasi begini, dan dalam usaha mengatasi banjir di luar kawasan liputan terowong SMART, Adi percaya ramai akan bertanya kenapa tidak dibina terowong baharu sebagai menambah keberkesanan usaha mengelakkan banjir di Kuala Lumpur.

Jawapannya, kos membina terowong seperti SMART

SKETSA



“Adi difahamkan, keputusan telah dimuktamadkan bagi pelaksanaan projek ini. Kolam takungan ini kelak mampu ‘menyedut’ dan menyimpan lebih banyak isi padu air. Air di permukaan dapat disalirkan lebih cepat bagi mengelakkan ia bertakung lama.”

sangat mahal. Kerana itulah pada waktu ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan pelbagai kaedah lain mengekang banjir, termasuk membina tebatan banjir menggunakan beg pasir sebagai langkah sementara. Seterusnya dinding penahan konkrit akan dibina sebagai langkah jangka panjang.

Satu lagi projek besar yang bakal dilaksanakan oleh DBKL ialah membina kolam takungan bawah tanah. Projek ini menggunakan pakai model projek sama yang dilaksanakan di Jepun. Pihak DBKL telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Jepun mengenai perkara ini.

Adi difahamkan, keputusan telah dimuktamadkan bagi pelaksanaan projek ini. Kolam takungan ini kelak mampu ‘menyedut’ dan menyimpan lebih banyak isi padu air. Air di permukaan dapat disalirkan lebih cepat bagi mengelakkan ia bertakung lama.

Menurut Mohd Fuad, jika pun nanti timbul cadangan membina satu lagi terowong SMART, pembinaannya mesti lebih baik moden daripada yang ada sekarang. Reka bentuknya mesti diseimbang dengan beberapa aspek penting seperti corak atau paten hujan dan perubahan iklim.

Pembangunan di kawasan sekeliling mesti dirancang secara tersusun. Ini akan dapat membantu terowong tersebut berfungsi dengan berkesan apabila persekitarannya juga kondusif bagi pengaliran air.

Adi juga ingin ingatkan, di sepanjang bulan Disember ini seluruh negara, termasuk Kuala Lumpur tentunya, akan mengalami hujan berterusan akibat gejala La Nina dan sistem cuaca Dipol Lautan Hindi. Dijangka akan berlaku pertambahan hujan antara 10 hingga 20 peratus.

Kerana fenomena inilah hujan lebat sudah dirasai sejak November. Walaupun belum berlaku banjir besar, banyak kawasan telah dinaiki air menyebabkan ramai dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Untuk makluman, gejala La

Nina dianggap sebagai ancaman. Ia berlaku apabila air di kawasan Khatulistiwa di Lautan Pasifik menyukuk. Gejala Dipol Lautan Hindi pula terjadi apabila berlaku perubahan corak cuaca di kawasan tropika Lautan Hindi.

Memetik pakar cuaca Universiti Malaya, Profesor Dr Azizan Abu Samah, negara dijangka menerima taburan hujan luar biasa sehingga ke hujung tahun. Bagaimanapun belum dapat dipastikan tahap banjir yang dijangka melanda.

Bagaimanapun pihak berkuasa sudah bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan. Agensi pengurusan banjir dan penyelamat sentiasa siap sedia digerakkan apabila keadaan memerlukan.

Orang ramai, terutama yang tinggal di kawasan rendah atau berhampiran sungai akan sentiasa diberi peringatan dan amaran mengenai paras air sungai dan mengarahkan mereka berpindah apabila keadaan menjadi bertambah buruk.

Adi percaya di Kuala Lumpur juga persiapan teliti sudah dibuat oleh DBKL dan agensi berkaitan, terutama berdasarkan pengalaman lalu yang menyaksikan ibu negara dilanda banjir serius. Banyak kawasan tenggelam, penduduk terperangkap dan jalan-jalan dipenuhi air sehingga kenderaan tidak boleh bergerak.

Sementara semua langkah perlu diambil memastikan keselamatan orang ramai, Adi berharap kali ini orang ramai akan lebih faham kenapa masih banjir walaupun wujud terowong SMART. Dengan pelbagai langkah tebatan banjir yang dilaksanakan, Adi percaya masalah banjir di ibu kota mampu ditangani dengan baik.

Adi—Selalu lalu terowong SMART

Adi Feah

SAJAK

TASIK KEDAMAIAN

Tasik adalah cermin ajaib memantul kedamaian menyembunyikan kekeruhan dibenamnya ke lubuk paling dalam.

KOTA KETAMADUNAN

Kota dalam taman warna-warni kemajuan jambatan perpaduan ketamadunan tinggi lahir dari manusiawi.

A. Affendi0937 @ Lekir Dataran Putrajaya

Pasrah tanggung kerugian RM50,000

Mangsa kebakaran terima bantuan YWP

AZLAN ZAMBRY

SEORANG peniaga reda berdepan ujian apabila tiga lot kedai baju yang disewanya di Lorong Haji Hussein 1, Kuala Lumpur sejak setahun lalu musnah dalam kebakaran baru-baru ini.

Menceritakan keadaan itu, **Azura Rizana Nadirman**, 36, berkata ketika kejadian, dia tidak berada di premis dan hanya dimaklumkan melalui panggilan telefon.

Kebakaran kira-kira pukul 1.05 petang melibatkan lapan unit lot gerai berkeluasan 8x8 kaki itu menyebabkannya mengalami kerugian yang dianggarkan lebih RM50,000 apabila semua pakaian yang dijual musnah dalam kejadian itu.

Katanya, lebih memilukan usahanya untuk meluaskan perniagaan di dua unit bersebelahan bersama-sama dengan rakan kongsi tidak kesampaian apabila stok baru

turut hangus terbakar.

"Saya anggap ini adalah ujian dan walaupun mengalami kerugian, saya bersyukur kejadian ini tidak mencederakan sesiapa."

"Saya juga difahamkan kegagalan penyelenggaraan sistem pendaftaran elektrik di gerai berusia lebih 20 tahun itu dikatakan punca kebakaran berlaku," katanya ketika ditemui Wilayahku dalam Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Kebakaran Lot Kedai di Pejabat Ahli Parlimen Titiwangsa pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun dan wakil Ahli Parlimen Titiwangsa.

Menurut Azura, ketika ini dia belum mempunyai sebarang perancangan masa hadapan berikutnya tapak gerai yang disewa itu berkemungkinan dibangunkan semula.



AZURA (kanan) menerima bantuan daripada pembantu Ahli Parlimen Titiwangsa sambil disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun pada Isnin.

"Jika ia dibangunkan semula, maka saya akan berniaga kembali di sini, jika tidak saya terpaksa mencari lokasi lain untuk memulakan semula perniagaan," katanya.

Dia turut menzahirkan

kesyukuran apabila menerima sumbangan daripada Ahli Parlimen Titiwangsa dan juga YWP.

"Jika diukur nilai kerugian dengan sumbangan yang diterima, ia memang tidak mencukupi, tetapi bagi saya ia

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

dapat meringankan beban yang terpaksa ditanggung," katanya.

Dalam majlis tersebut, seramai lapan orang mangsa turut menerima sumbangan bantuan bencana kebakaran YWP itu. **WK**

Terokai keajaiban bengkel Santa Klaus di KLCC Disember ini

DIANA AMIR

SEIRING dengan ambang musim Krismas yang bakal kunjung tiba, Suria KLCC melalui kempen Hari Krismasnya menyediakan bengkel Santa bertempat di Centre Court.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC, **Andrew Brien** berkata Suria KLCC akan dimeriahkan dengan kehadiran Santa Claus dan buniannya yang bakal menghadiahkan pelbagai hadiah dan alat permainan kepada para pengunjung.

"Pengunjung bakal dirai dengan keindahan hiasan dan alunan meriah yang sinonim dengan sambutan hari Krismas."

"Santa Claus bersama buniannya akan mengedarkan hadiah di



PELBAGAI hadiah menarik menanti pengunjung yang bertuah.

karousel alat permainan. Sebuah hiasan menara jam akan berbunyi setiap jam diiringi dengan melodi

perayaan ditemani bunian yang akan bergerak secara beriringan," kata beliau.

Tambah beliau, 100 pembeli terawal setiap hari juga berpeluang untuk membuat pendaftaran di skrin interaktif yang akan digunakan untuk aktiviti 'Naughty or Nice' oleh Santa di mana mereka berpeluang untuk mendapatkan hadiah kejutan.

"Kanak-kanak juga berpeluang menyertai bengkel 'Santa Workshop Alive!' seperti aktiviti mewarna pelbagai watak Krismas yang mana hasil kraf tersebut akan disiar di skrin layar.

"Para pembeli berpeluang untuk bersua muka bersama Santa Claus pada sesi hujung minggu tidak ketinggalan dengan pemberian lolipop secara percuma untuk pengunjung kanak-kanak," jelas

beliau satu sudut paparan akan disediakan untuk pembeli menghantar ucapan perayaan kepada yang tersayang melalui kad ucapan Krismas Suria KLCC.

Berkongsi kemeriahan membeli-belah bersempena perayaan Krismas, Andrew berkata pembeli yang berbelanja RM1,500 ke atas melalui dua resit pembelian daripada mana-mana kedai terpilih bermula dari 25 November sehingga 14 Disember 2022 akan menerima e-baucar Suria KLCC (SKLCC) melalui Program Ganjaran Pembeli manakala bagi mereka yang berbelanja RM3,000 dan ke atas melalui dua resit daripada mana-mana kedai terpilih akan menerima rantai tangan Pandora bernilai RM600. **WK**

Semangat kekeluargaan jadi kekuatan warga YWP

DEEL ANJER

KAKITANGAN dalam sesebuah organisasi perlu sentiasa menyematkan semangat kekeluargaan antara satu sama lain dalam melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan.

Hal tersebut turut diakui oleh Eksekutif Pembangunan Perniagaan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Noraini Abdullah**, 34. Malah menurutnya, perkara itu juga merupakan perkara penting yang dititikberatkan dalam kalangan warga YWP.



NORAINI

Berkongsi lanjut tentang YWP, apa yang membuatkannya teruja adalah setiap kali terdapat program yang dianjurkan, setiap jabatan akan turun padang untuk menjayakannya bersama-sama.

"Semangat kekeluargaan itu adalah perkara yang 'mahal'. Kami diibaratkan seperti satu keluarga besar yang sentiasa bersatu padu menjayakan sebarang program yang dianjurkan syarikat," katanya.

Dia juga tidak menafikan, perbezaan idea tetap wujud dalam kalangan keluarga besar mereka, namun hal itu tidak mem-



NORAINI (belakang, tengah) bersama tim Pembangunan Perniagaan YWP. Turut sama Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (duduk, tengah).

menjadi lebih mudah kerana persefahaman yang wujud bukan sesuatu yang dipaksa tetapi lahir dari hati.

"Kami juga akan memastikan hubungan yang baik diteruskan

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

"ia menjadi pendorong yang kuat untuk kami terus berkhidmat kepada masyarakat selama ini," ujarnya yang mengakui semangat tersebut sukar ditemui di organisasi lain yang pernah disertainya.

REALITI KEHIDUPAN

Rakam

9 - 15 DISEMBER 2022 . Bil 194

Wilayah Ku



Sambutan Hari Batik Malaysia 2022

Semarak cinta seni kraf warisan

BATIK merupakan seni warisan dan kraf tempatan yang masih unggul di Malaysia malah ia juga menjadi akar budaya kepada identiti negara sehingga saat ini. Dek kerana itu, pelbagai usaha dilakukan untuk memartabatkan semula industri batik.

Biarpun bukan mudah namun ia wajar dibanggakan apabila Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) memperkenalkan seni batik kepada masyarakat dengan menganjurkan pelbagai kempen bagi melonjakkan industri di persada antarabangsa.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

SAMBUTAN Hari Batik Malaysia yang kedua pada 3 Disember lalu bukan sahaja memperkenalkan keunikan kepelbagaiannya corak batik di Malaysia bahkan ia turut meraikan kejayaan Kempen ‘Ini Batik Malaysia’ yang bermula 1 Julai lalu.

Bertempat di Panggung Sari, Bangunan Sri Utama, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) meraikan usaha memastabatkan industri kraf batik tempatan.

Penganjuran sambutan ini pada setiap tahun adalah sebahagian tanda penghormatan dan peringatan kepada sumbangan Allayarhamah Datuk Seri Endon Mahmud yang memulakan Gerakan

Malaysian Batik-Crafted for the World untuk membawa batik tempatan ke persada antarabangsa.

Ia juga merupakan pemangkin kepada pemerkasaan industri kraf batik tempatan melalui pemakaian batik Malaysia oleh segenap lapisan masyarakat serta membuka peluang kepada usahawan dan komuniti kraf untuk menghasilkan kepelbagaiannya reka corak dan teknik agar dapat menawarkan pilihan produk terbaik kepada pengguna.

Menurut Ketua Setiausaha MOTAC, **Datuk Saraya Arbi**, kempen yang dijalankan melalui hebahan dan publisiti di media sosial, media massa serta aktiviti jerayawaya di Parlimen, kementerian dan jabatan, pusat beli-belah terpilih dan lokasi tumpuan pengunjung di seluruh negara adalah berkesan.

“Kempen ini telah memberi impak positif kepada industri kraf negara terutama batik yang mana dalam tempoh Januari hingga Oktober lalu, penjualan batik meningkat sebanyak 78 peratus (%)

bersamaan RM69.2 juta berbanding RM38.9 juta dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

“Lebih membanggakan, pendapatan kraf tangan dalam tempoh 10 bulan iaitu Januari hingga Oktober juga secara keseluruhan meningkat sebanyak 53% berbanding tempoh sama pada tahun lalu dengan nilai jualan RM154.2 juta sekali gus menyaksikan ia sudah melebihi sasaran jualan iaitu RM236.1 juta berbanding sasaran asal iaitu RM200 juta sahaja.

“Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan kempen ini sehingga berjaya memperoleh nilai jualan sebanyak RM180,000 dan ia satu pencapaian membanggakan untuk usahawan batik seluruh Malaysia.



SARAYA

“Kejayaan ini bukan sahaja menunjukkan penambahan jumlah usahawan dan tenaga kerja dalam industri kraf batik malah membuktikan inisiatif yang dilaksanakan Kraftangan Malaysia berjaya merancak dan melonjakkan pencapaian industri kraf batik dan

industri kraf negara secara amnya,” ujar beliau menjelaskan MOTAC akan memberi sokongan penuh terhadap kempen produk kraf seperti ini pada masa akan datang.

Kata beliau lagi, sempena sambutan pada kali ini, Kraftangan Malaysia turut melancarkan logo Batik Malaysia yang merupakan jenama produk batik yang dihasilkan oleh usahawan kraf berdaftar.

“Logo ini merupakan salah satu inisiatif Kraftangan Malaysia bagi menonjolkan keaslian produk batik Malaysia yang dihasilkan oleh usahawan tempatan,” kata beliau

ketika merasmikan Sambutan Hari Batik Malaysia bersama Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Ainu Sham Ramli.

Dalam pada itu, beliau juga berkesempatan menyampaikan sijil penghargaan kepada kementerian dan jabatan serta rakan-rakan media yang sentiasa bekerja keras dalam menghebahkan informasi, berita kraf dengan penulisan yang kreatif serta menyokong jerayawaya Kempen ‘Ini Batik Malaysia’.

Kraftangan Malaysia turut menyemarakkan lagi Sambutan Hari Batik Malaysia dengan menganjurkan Program Malaysia Membatik yang menampilkan pelbagai pengisian menarik sepanjang dua hari sambutan pada 3 dan 4 Disember lalu.

Antara pengisian lain adalah Eksplorasi Kraf; Ekspresi Kraf Batik; Jualan Produk Kraf Batik; Pameran Kraf; Pameran Institut Kraf Negara (IKN); Craftanza; Zumbatik; Demonstrasi serta Interaktif Kraf; persembahan kesenian dan jualan makanan serta minuman. **WK**



MELAWAT produk-produk kraf yang dipamerkan pada Sambutan Hari Batik Malaysia.



Kraftangan Malaysia peraga 32 koleksi busana batik



DIANA AMIR

PERBADANAN Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) memperagakan sebanyak 32 koleksi busana pada acara Peragaan Fesyen Batik Malaysia yang diadakan bersempena Majlis Sambutan Hari Batik Malaysia 2022.

Bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, pertunjukan fesyen itu mempersembahkan 16 model dengan koleksi pakaian menggunakan empat jenis batik seperti batik lukis/canting, terap/block, skrin dan juga kontemporari.

Pengarah Kanan Bahagian Rekaan dan Penyelidikan Kraftangan Malaysia, Khairul Hafizi Naharuddin berkata acara tersebut bertemakan revolusi batik bermula dari awal 80-an sehingga kini bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat mengenai pembangunan produk batik Malaysia yang dibangunkan sendiri

oleh pihak Kraftangan Malaysia. "Pertama sekali kita tampilkan batik lukis di mana orang ramai tahu mengenainya dan pada awal 80-an motifnya adalah lebih *direct* sebagai contoh hanya akan ada satu corak bunga dan menggunakan warna asas sahaja.

"Seterusnya batik pada awal 90-an motifnya sedikit berbeza di mana mungkin pada masa itu Malaysia mengalami perubahan trend dalam berfesyen. Corak batiknya adalah lebih abstrak, menggunakan garisan dan *splash* warna.

"Manakala pada tahun 2000 sehingga kini adalah lebih kepada canting halus seperti kain batik dari Kelantan yang mempunyai batu-batu dan mempunyai kehalusannya.

Dengan kombinasi motif utama dan motif pemanis corak tersebut nampak padat dilengkapi dengan pilihan warna trending bertepatan dengan zaman milenial kini," katanya sewaktu ditemui *Wilayahku*.

Khairul Hafizi berkata pada tahun 80-an, pola pakaian hanya terfokus kepada sarung atau pakaian harian namun bermula era 90-an sehingga kini, ia telah dipelbagaikan berdasarkan situasi sesuatu majlis sama ada formal atau santai di mana motif batik itu juga akan diolah mengikut kesesuaian dan jantina.

Menjawab persepsi orang ramai berkennaan pakaian batik adalah mahal, beliau berkata pihaknya mencuba setiap masa untuk mencari bahan penggantian dalam menghasilkan batik agar ia



KHAIRUL HAFIZI



dapat dijual dengan harga lebih rendah.

"Kita bukan hendak menjatuhkan martabat batik

namun tujuan kita adalah untuk memastikan agar batik Malaysia ini mampu untuk dipakai oleh semua golongan masyarakat. WK



Himpun 2,000 pelajar, Cakna Kraf catat rekod MBOR

SAMBUTAN Hari Batik Malaysia 2022 bukan sahaja mempamerkan keunikan tradisi batik tempatan malah turut disemarakkan dengan acara mewarna batik di bawah aktiviti Cakna Kraf, pada 3 Disember (Ahad) lalu.

Acara tersebut melibatkan penyertaan seramai 2,000 peserta dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah, sekolah antarabangsa serta Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari seluruh negeri di Malaysia.

Menariknya, ia diadakan secara serentak bermula pukul 10 pagi hingga 4 petang di tiga lokasi Kompleks Kraf Negeri dan 10 Perbadanan Kemajuan



'AINU SHAM'

Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) cawangan negeri seluruh negara termasuklah Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay.

Menurut Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, 'Ainu Sham Ramli, cakna kraf merupakan salah satu program pengembangan ilmu yang bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman berkaitan seni kraf Malaysia, asas pembuatan produk kraf serta reka corak batik tempatan kepada generasi muda khususnya pelajar.

"Melalui acara ini juga, pelajar boleh mendapat maklumat yang tepat dan terkini tentang penghasilan kraf di mana

secara tidak langsung boleh memupuk kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap seni kraf tempatan.

"Justeru itu, para peserta terlibat dikehendaki mewarna reka corak batik yang menarik mengikut kemahiran, kreativiti serta idea masing-masing melalui sentuhan pelbagai warna," jelas beliau.

Lebih bermakna apabila Cakna Kraf turut mendapat pengiktirafan dan direkodkan sebagai 'Acara Mewarna Batik Teramai' dalam *The Malaysia Book Of Records (MBOR)*.

"Selain meraikan Hari Batik Malaysia, kami juga berbesar hati berkongsi khabar gembira bahawa Kraftangan Malaysia telah mendapat pengiktirafan MBOR pada 3 Disember lalu sempena acara ini," jelas beliau. WK







Aura Padi Reborn memukau sobat



AMIN FARID HASAN

IBARAT sebuah kumpulan koir besar yang bernyanyi bersama Fadly, vokalis Padi. Begitulah gambaran kemeriahan para Sobat Padi yang hadir dalam Koncert Padi Reborn di Zepp, Kuala Lumpur sempena ulang tahun ke-25 tahun kumpulan muzik dari Indonesia itu berada di dalam industri.

Koncert Padi Reborn yang dianggotai oleh Fadly (vokalis), Piyu (gitar), Ari (gitar), Rindra (Bass) dan Yoyo (dram) kali ini begitu istimewa kerana dihadiri oleh

lebih 2,400 pengikut setia yang boleh dikatakan telah menghafal keseluruhan 23 lagu yang dipersembahkan sepanjang tiga jam perjalanan konsert.

Bagi menghargai para Sobat Padi, dua selingan video yang menceritakan kisah perjalanan kumpulan muzik ini turut dipersembahkan di layar digital pentas sebagai medium berkongsi sejarah penubuhan salah satu kumpulan muzik ikonik dari Indonesia ini yang penuh kisah lucu juga sedih.

Kesimpulannya, rata-rata yang hadir ternyata begitu berpuas hati dengan gaya persembahan konsert Padi Reborn 25 Tahun. **WK**



ARI



RINDRA



YOYO



FADLY



PIYU



Malam 'manis' buat peminat Padi Reborn



DEEL ANJER

HEBAT! Itu gambaran Konser 25 Tahun Padi Reborn, yang berlangsung pada Sabtu lalu di Zepp, Kuala Lumpur.

Apa yang lebih istimewa, selain seleksi lagu yang pastinya membuat peminat, kemunculan Datuk Sheila Majid antara segmen yang ditunggu-tunggu.

Vokalisnya, Fadly mengakui terharu dengan kehadiran serta kesudian Ratu Jazz Malaysia tersebut untuk berduet dengannya.

Mereka memilih lagu Kasih Tak Sampai daripada album kumpulan itu, disusuli dengan duet lagu Antara Anyer dan Jakarta serta Warna yang begitu sinonim dengan Sheila Majid.

Sebelum itu, sebagai pembuka tirai

Padi Reborn muncul dengan seleksi popular antaranya Bayangkanlah, Sang Penghibur, Sesuatu Yang Indah, Menanti Sebuah Jawaban, Ternyata Cinta dan Tempat Terakhir.

Kemudian para peminat terus dihibur dengan lagu Mahadewi, Seandainya Bisa Memilih, Semua Tak Sama dan Jangan Datang Malam Ini.

Momentum malam bersejarah Padi Reborn dihangatkan lagi dengan Seperti Kekasihku, Rapuh, Lain Dunia, Harmoni, Mencari Alasan dan Perjalanan Ini.

Sepanjang durasi lebih tiga jam, Fadly bersama Piyu (gitar utama), Ari (gitar), Rindra (bass) dan Yoyo (drum) mengakhiri persembahan yang bakal dirindui itu dengan Sahabat Selamanya, Sobat, Hitam dan Begitu Indah.

Rata-rata Sobat Padi (panggilan buat peminat Padi) berpuas hati malah ada berasakan detik-detik konsert itu berlalu dengan pantas

sekali.

"Bagi saya konsert Padi malam tu gempak sebab sepanjang konsert tu para Sobat Padi menyanyi bersama ibarat sebuah kumpulan koir yang mengiringi Padi." – Amin

"Setiap lagu yang dinyanyikan Padi mempunyai kisah-kisah tersendiri. Padi seolah-olah menghiburkan kami sambil bercerita. Paling best alunan akustik yang sangat mengagumkan." – Sam

"Malam yang cukup 'manis' buat semua Sobat Padi. Dari awal hingga ke akhir konsert, semuanya meninggalkan kesan pada kami. Tak sedar rupa-rupanya konsert dah berakhir." – Alif

WK



Eizlan, Idham bongkar penyelewengan, harap menteri campur tangan

BEKAS Ahli Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), Datuk Seri Eizlan Yusof mempersoalkan kaitan projek Pameran Hantu Filem anjuran Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM) dengan penganjuran Festival Filem Malaysia ke-32 (FFM 32) yang diadakan baru-baru ini.

Menerusi video dimuat naik di media sosial, Eizlan mendakwa projek tersebut menelan belanja sehingga RM40,000, malah melibatkan seorang daripada ahli perbadanan yang berkepentingan dalam persatuan.

"Bukan ke ini *conflict of interest?* Rasanya pihak pengurusan tertinggi Finas kena bersuara untuk memberi kesahihan tentang isu ini sama ada betul atau tidak perkara ini berlaku.

"Sudahlah ambil RM40,000, lepas tu projek gagal. Melibatkan ahli perbadanan, orang kuat dalam persatuan, kalau betul, ini memang dah melampaui!" tegasnya.

Memetik kapsyen, Eizlan juga

menyarankan agar Menteri Komunikasi Digital, Fahmi Fadzil campur tangan perihal industri seni kreatif, sekali gus bertanyakan pihak yang telah diberikan amanah tersebut.

Sementara itu, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Finas, Dr Ahmad Idham turut membangkitkan hal serupa dengan menggesa Pengerusi Finas, Datuk Seri Zurainah Musa memberi penjelasan sewajarnya.

"Saya mendapat maklumat ada ahli perbadanan menggunakan kedudukan untuk kepentingan persatuan. Mohon jasa baik penggerusi Finas untuk jelaskan kepada warga industri bagaimana ahli perbadanan boleh mendapat kontrak sebanyak RM40,000 untuk persatuan."

"Bahkan difahamkan projek itu gagal dan telah dirobohkan di tapak FFM 32," tulisnya dalam satu hantaran di Instagram.

Pada masa sama, Idham turut meminta supaya Presiden FDAM iaitu Dr Ahmad Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Mat London tampil bagi menjawab isu berkenaan. Dalam perkembangan lain, Eizlan dan Idham juga telah membuat laporan polis di Balai Polis Ampang Selangor, berkaitan kes tersebut.



Diangkat Aktor Terbaik FFM 32, Adi Putra tidak lupa akhirat

DATUK Adi Putra, 41, menerusi video ucapan kemenangannya meraih trofi Pelakon Lelaki Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-32 (FFM 32) berharap agar lakonannya bukan sahaja memperoleh manfaat di dunia bahkan di akhirat juga.

"Mudah-mudahan dengan apa yang kita perjuangkan dalam dunia perfilman ini, bukan sekadar untuk dunia, mesej yang mahu kita sampaikan adalah untuk di akhirat nanti," ujar Adi yang diangkat Pelakon Lelaki Terbaik menerusi lakonannya dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Seorang Pahlawan.



Terdahulu, dia tidak dapat menghadiri acara FFM 32 yang berlangsung di Encore Theater, Melaka kerana sedang menuaikan umrah di Makkah.

Menerusi video tersebut juga, Adi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyokong perjuangan seninya sejak dari awal pembabitan hingga ke hari ini.

"Alhamdulillah, syukur kepada Allah. Terima kasih kepada Finas, kedua-dua ibu bapa saya, isteri dan anak-anak yang banyak menyokong."

"Tidak lupa juga kepada para peminat yang sentiasa menjadi tulang belakang dari dulu hingga sekarang," ucapnya.

Di kesempatan itu juga, Adi turut menghargai peluang diberikan sutradara tersohor, Syamsul Yusof untuk membintangi filem yang berjaya meraih hampir RM100 juta.



Perlis

- 1 Rumah Kupi
- 2 NGOPI
- 3 Ahli Kopi

Pulau Pinang

- 5 NGOPI Cornwallis
- 6 Constant Gardener Coffee
- 7 Secangkir Kopi Hitam
- 8 Bricklin Café & Bar
- 9 2F+ Coffee Roastery
- 10 Frank Laurent Coffee Roasters

NORTHERN
MALAYSIA

Coffee
EXPERIENCE

All I Need is Coffee and a SPA Day!

Perak

- 11 Shake & Bake Cafe

Perlis

- 1 Rumah Kupi
Jalan Kapit, Jalan Kerang Emek Sungai
02500 Mata Ayer Pelek
bunleebach@gmail.com
- 2 NGOPI
No. 26, Jalan Kapit
01000 Kangar, Perlis
christina.la.anc@gmail.com
- 3 Ahli Kopi
Guru No.2, Cet No. 42
Jalan Pengara Melati Raja Syed Alwi
01000 Kangar, Perlis
el.muzrik@gmail.com

Kedah

- 4 Panggey Café
26, Jalan Pengkalan,
Taman Petan Basa,
04000 Sungai Petani, Kedah
panggeyventure2020@gmail.com

Pulau Pinang

- 5 NGOPI Cornwallis
Port Cornwallis, Jalan Tua Syed Shih Razakah
10200 Georgetown, PENANG
christina.la.anc@gmail.com
- 6 Constant Gardener Coffee
Ground Floor,
Penang Chinese Chamber Of Commerce Building,
9, Lebuh Light, 10200 George Town, Pulau Pinang
operations@constantgardenercoffee.com
- 7 Secangkir Kopi Hitam
5, Lebuh Clark,
10200 George Town, Pulau Pinang
SecangkirKopiHitam2020@gmail.com

- 8 Bricklin Café & Bar
31A, Jalan Gardner,
10300 George Town, Pulau Pinang
partabewari@gmail.com

- 9 2F+ Coffee Roastery
Jln Paya Terumbung,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Yieldhouse102@gmail.com

- 10 Frank Laurent Coffee Roasters
Block 2-1-29, Uluai Square,
Lebuhraya Kuala 3,
11700 Gelugor, Pulau Pinang
franklaurentcoffeeroasters@gmail.com

Perak

- 11 Shake & Bake Cafe
14, Jalan Raja Nordin Shah
10250 Ipoh, Perak
bunleebach@gmail.com





TOURISM
MALAYSIA.

NORTHERN MALAYSIA

Coffee EXPERIENCE

All I Need is Coffee and a SPA Day!

PERAK

Time Free Vacation Sdn Bhd
Northern Malaysia Coffee Experience
From RM488 Per Pax
KPI 8618
+016-6511228
timefreevacation@gmail.com

Ipooh Overland Sdn Bhd
2DIN Coffee Experience
From RM438 Per Pax
KPL1478
+012-5050209
ipohoverland6@yahoo.com

Kurma Travel Sdn Bhd
2DIN Penang Coffee Trail
From RM380/Pax
KPL8212
019-9973314
lokurmatravel@gmail.com

Kurma Travel Sdn Bhd
3D2N Lenggong / Grik Coffee Trail
From RM450/Pax
KPL8212
019-9973314
lokurmatravel@gmail.com

PULAU PINANG

CS Yeap Travel & Tours Sdn Bhd
2D1N Perlis – Kedah Coffee Trail
RM338 per pax
KPL5721
+013-4355582 / +012-43287692
csyeap_tt@yahoo.com

CS Yeap Travel & Tours Sdn Bhd
Penang Tours & Coffee Trails
RM350 / Pax (6 hours) *Minimum 2 pax
KPI 5721
+013-4355582 / +012-43287692
csycap_tt@yahoo.com

CS Yeap Travel & Tours Sdn Bhd
Kuala Sepetang & Taiping Day Trip
RM188 per pax
KPI 5721
+013-4355582 / +012-43287692
csyeap_tt@yahoo.com

TRA Holidays Sdn Bhd
2D1N Coffee Experience @ Penang
From RM399 / Pax
KPI 9535
04-5783177 / 012-5980877
traholidaysb@gmail.com

PERLIS

Bintong Travel & Tours
2D1N Coffee Experience @ Perlis
RM150 / Pax
KPL5322/5438/2815
04-9782416/012-2310929/012-4310929
bintongtravel@yahoo.com

Bintong Travel & Tours
3D2N Coffee Experience @ Perlis
RM260/Pax
KPL5322/5438/2815
04-9782416/012-2310929/012-4310929
bintongtravel@yahoo.com

KEDAH

MLS Holidays Sdn Bhd
2D1N Kedah – Perlis Coffee Trails
From RM300/Pax *Minimum 10 pax
KPL6283
016-2008428
cmilinkw@gmail.com

MLS Holidays Sdn Bhd
2D1N Kedah – Perlis Coffee Trails
From RM599/Pax *Minimum 10 pax
KPL6283
016-2008428
cmilakw@gmail.com

Famira Travel & Tours Sdn Bhd
Kedah 1-Day Tour
From RM95/Pax
KPL4702
019-5796801
famiratravel@gmail.com

Famira Travel & Tours Sdn Bhd
Kedah-Perlis 1-Day Tour
From RM105/Pax
KPL4702
019-5796801
famiratravel@gmail.com

Famira Travel & Tours Sdn Bhd
2D1N Coffee Trail
From RM425/Pax
KPL4702
019-5796801
famiratravel@gmail.com



*Tertakluk kepada terma dan syarat



www.malaysia.travel

Kemakmuran negara berpaksikan indeks kebahagiaan keluarga mentaati sunah Nabi SAW



DRISHAK SULIAMANI

NDEKS kemakmuran negara sebenarnya berasaskan kepada indeks kebahagiaan keluarga. Jika manusia atau rakyat bahagia maka masyarakat dan negara pasti akan makmur dan berjaya. Prinsip keluarga bahagia-negara makmur adalah prinsip Islam yang menjadi sunah Nabi Muhammad SAW. Fasa pembentukan keluarga beriman dengan membuang kesyirikan dan kefasadatan selama 13 tahun telah berlaku di Makkah dengan kejayaan melalui pelbagai ujian dalam ekosistem jahiliyyah korup. Baginda Nabi Muhammad SAW memfokuskan kepada aspek membina jatidiri umat Islam yang berintegriti, *survival* terhadap tekanan hidup dan skill diplomasi tahap tinggi terhadap umat Islam di fasa pembinaan keluarga Muslim di Makkah.

Sebanyak 86 Surah Al-Quran bagi kategori Makkiyyah yang mengandungi perintah Allah SWT bagi permantapan iman dan pendidikan komprehensif membina jati diri umat Islam di fasa Makkah. Pendidikan ekosistem keluarga Islam menghadapi ujian mental, emosi dan fizikal menjadi asas pendidikan ibu bapa kepada anak-anak di peringkat awal rumah. Buktinya, Surah Luqman dari kategori Makiyyah menfokuskan kepada pendidikan komprehensif ekosistem keluarga Islam sebagai asas pendidikan ibu bapa kepada anak-anak di rumah. Inilah asas utama bagi indeks kebahagiaan keluarga dalam mentaati perintah Allah SWT melalui mentaati sunah Nabi SAW sebagai

“Kebahagiaan jemaah Muslim yang mengimarahkan Masjid dalam ekosistem keluarga melalui solat berjemaah, majlis ilmu dan mencapai kesepakatan keputusan bersama melalui musyawarah merupakan asas praktikal pemimpin dan rakyat Muslim bagi memperoleh kemakmuran negara Islam kurniaan Allah SWT. Apabila pemimpin negara sentiasa mendirikan solat fardu berjemaah bersama rakyat dan berlitzam dalam majlis ilmu di dalam ekosistem institusi masjid, maka pasti wujud sifat kehambaan terhadap Allah SWT dan sifat kemanusiaan dalam kalangan pemimpin dan negara. Inilah jaminan Allah SWT bagi memperkasakan negara dengan indeks kemakmuran yang holistik.”

praktikaliti pendidikan berterusan di rumah bagi memberi impak terhadap kemakmuran negara.

Fasa membina negara Islam Madinah selepas hijrah adalah impak kemanusiaan bertahap tinggi bagi mentadbir negara Madinah yang dipelihara Allah SWT dengan konsep negara maju berteraskan rahmat dan keampunan Allah SWT. Negara Madinah ditadbir urus oleh Nabi Muhammad SAW sebagai Ketua Negara dan kabinet Sahabat RA di atas prinsip integriti, keadilan, perjuangan, keilmuan dan ketamadunan dalam ekosistem kekeluargaan dan solidariti. Selama 10 tahun hayat Baginda SAW di Madinah, semua cabaran kedaulatan negara Islam Madinah dalam bentuk hubungan Muslim Arab dengan Non-Muslim Yahudi, ketaksuban kepuaan dan keturunan Arab sesama Arab, kestabilan sosial, pembangunan ekonomi dan prasarana awam telah berjaya ditadbir urus oleh Nabi Muhammad SAW dan kabinet Sahabat RA dalam ekosistem kekeluargaan dan solidariti yang jitu.

Buktinya, sebanyak 28 Surah Madaniyyah mengandungi perintah undang-undang Islam, prinsip diplomasi politik dan peperangan, etika kemasyarakatan, manual pendidikan keluarga, pengurusan aset dan harta awam, hak wanita, golongan kurang upaya dan minoriti

telah berjaya dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Ketua Negara Islam Madinah. Justeru, pembukaan dan pembebasan kota Makkah daripada kejahilan dan kebejatan Musrik Makkah merupakan manifestasi impak kebahagiaan keluarga Islam terhadap kemakmuran negara khususnya dalam konteks di Madinah dan seterusnya berkembang di Makkah.

Selaras kewafatan Nabi Muhammad SAW, kemakmuran negara Islam dimantap-perkasakan oleh empat orang Sahabat Baginda SAW yang bermula dengan Khalifah Abu Bakar RA, kemudian Khalifah Umar al-Khattab RA, seterusnya diganti dengan Khalifah Othman al-Affan RA dan Khalifah Ali Abi Talib RA sebagai Khulafa’al-Rasyidin terakhir yang disambung seterusnya dalam kerangka empayar dinasti keturunan Ummawi, Abbasi dan lain-lainnya. Semasa hidup Baginda SAW, pemantapan pendidikan kepimpinan berintegriti yang bermula di rumah terus diperkasakan di luar rumah melalui pendidikan komprehensif melalui institusi Masjid. Masjid al-Haram di Makkah dan Madinah menjadi pusat ibadah-ilmu-pentadbiran negara khususnya di zaman Nabi Muhammad SAW dan Khulafa’al-Rasyidin berdasarkan ekosistem kekeluargaan ummah.

Justeru, kebahagiaan jemaah

Muslim yang mengimarahkan masjid dalam ekosistem keluarga melalui solat berjemaah, majlis ilmu dan mencapai kesepakatan keputusan bersama melalui musyawarah merupakan asas praktikal pemimpin dan rakyat Muslim bagi memperoleh kemakmuran negara Islam kurniaan Allah SWT. Apabila pemimpin negara sentiasa mendirikan solat fardu berjemaah bersama rakyat dan berlitzam dalam majlis ilmu di dalam ekosistem institusi masjid, maka pasti wujud sifat kehambaan terhadap Allah SWT dan sifat kemanusiaan dalam kalangan pemimpin dan negara. Inilah jaminan Allah SWT bagi memperkasakan negara dengan indeks kemakmuran yang holistik.

Indeks kemakmuran negara yang berasaskan kepada kemakmuran ekonomi, sosial dan politik yang jauh daripada asas agama wahyu pasti berakhir dengan kepincangan dan keruntuhan. Hanya menunggu masa bagi pengakhiran yang tragis ini. Kemakmuran ekonomi kapitalis di mana golongan kaya bertambah kaya dan pekerja selamanya sebagai hamba majikan pasti mengalami kepincangan manusia.

Golongan kaya akan mengalami kepincangan rakus-tamak-zalim. Pekerja umpama robotik kepada majikan yang hilang nilai manusia khususnya emosi dan kasih sayang. Maka penyakit psikologi khususnya krisis identiti diri yang melibatkan seksualiti (LGBTQIA+), kemurungan dan bunuh diri akan menjadi bala fenomena bagi negara yang berpaksikan kepada indeks negara makmur berteraskan ekonomi semata-mata, sosial tanpa nilai agama dan sistem politik untuk kuasa semata-mata. Ini realiti fenomena negara yang pupus nilai kekeluargaan namun kelihatan hebat dari aspek

ekonomi dan sosial yang bebas hingga terbaik. Di mana nilai holistik bahagia bagi negara yang mempunyai nilai indeks kemakmuran dunia yang tinggi dari aspek ekonomi namun realitinya rakyat hilang identiti asas manusia? Justeru, ke arah mana negara tercinta kita Malaysia dalam situasi ini? Apakah majoriti pemimpin dan rakyat Malaysia cenderung terhadap kebahagiaan keluarga sebagai paksi kemakmuran negara? Apakah kebahagiaan keluarga ini diasaskan kepada ajaran wahyu khususnya Islam yang menuntut kepada ketaatan kepada Allah SWT dengan mentaati sunah Nabi SAW bagi memakmurkan negara ini?

Bertepatan dengan tema Maulidur Rasul SAW bagi tahun ini iaitu ‘Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran’, maka Pendidikan kekeluargaan bagi umat Islam di Malaysia hendaklah kembali kepada panduan sunah Nabi SAW yang komprehensif dan holistik. Pemimpin negara hendaklah menjadikan prinsip sunah Nabi SAW dalam mentadbir Malaysia berdasarkan kekeluargaan Islam yang terbukti sebagai asas utama dalam memakmurkan negara ini.

Justeru, indeks kemakmuran negara mestilah berasaskan kepada asas manusia yang akan menguruskan keperluan dunianya yang menuju kepada ukhrawai melalui pendidikan kekeluargaan Islam bertunjang kepada ketaatan kepada Allah SWT dengan mentaati sunah Nabi SAW.

PENULIS merupakan Professor Madya, Ketua Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di ishakhs@um.edu.my.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]	
FULL PAGE	26cm X 33cm
	RM7,500
HALF PAGE	26cm X 17cm
	RM5,500
QUARTER PAGE	12cm X 17cm
	RM4,500
PANEL PAGE	26cm X 6cm
[INNER]	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]	
	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran
03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

MEDIA WARGA KOTA

Wilayah Ku

Melamar Alam himpun 70 sajak hargai flora dan fauna



DIANA AMIR

MANUSIA dan alam sekitar sememangnya saling memerlukan namun masih ramai yang alpa untuk menjalankan tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar yang semakin kritikal dari hari ke hari.

Rentetan itu, penulis Raja Abdul Rahman Raja Basok tampil menghasilkan karya puisi terbaru menerusi Kumpulan Puisi Melamar Alam bagi mengajak pembaca untuk lebih menghargai ciptaan Tuhan.

Kumpulan Puisi Melamar Alam ini menampilkan 70 gubahan sajak, mengajak khalayaknya mengamati fenomena alam, ciptaan indah Allah SWT yang pasti akan membangkitkan keagungan dan kesyukuran dalam merapatkan diri dengan-Nya.

Di awal hingga akhir buku ini, pembaca akan disajikan dengan deretan puisi yang menjentik emosi. Isi puisi turut menggambarkan kehijauan, keindahan alam semesta dan tentang bagaimana alam bekerja serta menyatakan tentang keperluan antara manusia dan alam.

Ia juga mengajar sebagai khalifah Allah di muka bumi, manusia tidak terlepas daripada bersahabat dengan alam 'hablum minal alam' di mana tugas ini menjadi pelengkap kepada tugas beribadah ('hablum minallah') dan menjaga persaudaraan ('hablum minnas') dalam memakmurkan bumi dan alam.

Karya terbaru Raja Abdul Rahman Raja Basok ini juga mengajak pembacanya menjadi lebih bijaksana dan adil dalam menghargai alam agar sentiasa dipulihara dan dilestarikan setiap masa. Kepekaan, keprihatinan dan tahap sedar yang tinggi terhadap alam sekitar serta musibah yang berlaku dalam kehidupan semasa pastinya akan menambahkan kasih sayang dan penghargaan kepada Allah SWT.

Mempunyai 82 muka surat, puisi pertama yang disajikan bertajuk 'Apa Khabar Laut?' di mana penulis meluahkan kebatasan waktu membuatkannya tidak mampu menikmati keindahan laut serta tertanya-tanya tentang keadaan laut sama ada baik-baik saja dari tangan jahat manusia. Di perenggan akhir, penulis menyampaikan sifat laut juga seakan emosi manusia yang sering berubah.

Manakala di halaman terakhir,

puisi 'Sesekali Alam Ingin Berbicara' membincangkan mengenai kerakusan manusia dalam memusnahkan alam dan setiap bencana yang berlaku adalah berpunca dari manusia sendiri. Malapetaka itu juga sebagai peringatan bahawa mereka ingin didengari serta dijaga oleh manusia tanpa sebarang kepentingan peribadi.

Antara yang menarik semestinya puisi ke-40 iaitu Melamar Alam yang juga merupakan tajuk bagi karya ini di mana setiap perumpamaan dikaitkan tentang bagaimana setiap individu mempunyai hubungan dengan alam.

Misalnya, 'ombak berguling membawa duka' yang memberi maksud apabila melihat ombak, kita akan merasa damai. Ia juga memberitahu bahawa umat dan alam ini saling memerlukan. Dan puisi ini pada akhir perenggan berjanji akan menjaga setiap khazanah daripada tangan rakus manusia.

Berkongsi berkenaan buku yang ditulismnya, Raja Abdul Rahman Raja Basok berkata semua puisi yang dihimpunkan adalah ditulis pada tahun 2020 sehingga kini.


"Melamar Alam dipilih sebagai tajuk utama daripada 70 puisi kerana bumbu-bumbu penulisan

dikutip lewat pengamatan, penglihatan, peka dan prihatin serta pengalaman saya sendiri.

"Penulisan puisi ini diiringi dengan bahasa alam dan curahan sanubari dari kepompong jiwa menjadi teman di kala sepi, kekasih di kala rindu, titis embun di kala dahaga dan titik noktah ketika hati dilanda kegelisahan.

"Ada antara puisi ini yang telah disiarkan dalam akhbar Utusan Borneo, Harian Ekspres, New Sabah Times, Suara Sarawak dan Wilayahku," katanya.

Penulis menggunakan nama pena Rar Rb, Hj Raj dan Hj RAR ini merupakan anak kelahiran Muar, Johor Darul Ta'zim dan telah menulis sejak tahun 1984 sehingga 2004 dalam genre puisi.



Beliau kembali semula ke gelanggang penulisan puisi, cerpen dan novel pada tahun 2016 sehingga kini dan karyanya banyak telah disiarkan oleh majalah dan

PERSPEKTIF

Keadaan kewangan rakyat Malaysia menyakitkan - Penganalisis

RAKYAT Malaysia akan mengalami 'kedudukan kewangan yang sangat perit' jika mereka menghadapi kemelesetan global yang akan berlaku di tengah-tengah peningkatan inflasi, menurut satu soal selidik.

Data daripada Soal Selidik Literasi Kewangan Malaysia RinggitPlus (RMFLS) 2022 telah mendedahkan pelbagai kebenaran yang menyakitkan tentang keadaan kewangan semasa rakyat, termasuk simpanan yang semakin berkurangan, isu aliran tunai dan trend lain yang membimbangkan.

Soal selidik itu dilakukan oleh RinggitPlus.com (RinggitPlus), sebuah laman web kewangan yang dimiliki dan dikendalikan oleh Syarikat Fintech Jirnexu Sdn Bhd.

Pengasas Bersama dan Pengarah RinggitPlus Hann Liew berkata, trend semasa adalah satu 'wake-up call' kepada semua pihak untuk mengambil tindakan kerana kesan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik amat membinaaskan dan rakyat Malaysia berdepan cabaran kewangan sebenar yang perlu ditangani.

"Ini adalah isu generasi yang memerlukan penyelesaian jangka panjang dengan sokongan berterusan dan bersepada daripada



semua pihak. Kita tidak boleh tinggalkan sesiapa," katanya pada Pelancaran Keputusan RMFLS 2022 di Menara Etiqa baru-baru ini.

RinggitPlus juga memaklumkan rakyat daripada semua lapisan masyarakat kini menghadapi cabaran kewangan yang membarah hingga menyebabkan mereka terdedah kepada kejutan kewangan, dengan mengambil kira bahawa pelbagai bantuan kewangan telah mengurangkan kesan ke atas mereka pada 2020 dan 2021.

"Sebanyak 70 peratus responden

menyatakan mereka menyimpan kurang daripada RM500 sebulan atau langsung tidak mampu untuk menyimpan.

"Ini adalah keputusan terburuk yang diperoleh oleh RMFLS dalam tempoh lima tahun," katanya dalam satu kenyataan yang berasingan.

Tambahnya, bilangan rakyat Malaysia yang menyimpan lebih daripada RM1,500 sebulan juga telah menurun dengan ketara.

"Daripada 20 peratus pada 2020, angka itu telah menurun empat kali lebih rendah kepada hanya lima

peratus pada 2022," katanya.

Dapatan RMFLS 2022 itu juga menunjukkan bahawa lebih ramai rakyat Malaysia bergelut dengan simpanan yang kurang di tangan dengan 53 peratus responden menyatakan mereka boleh bertahan selama tiga bulan atau kurang dengan hanya bergantung pada simpanan mereka (tahun lepas pada kadar 52 peratus).

"Trend yang sama juga mendapat 55 peratus rakyat Malaysia membelanjakan dengan tepat atau lebih daripada apa yang mereka peroleh setiap bulan (sebanyak 44 peratus tahun lepas), pada asasnya bergantung dari gaji ke gaji untuk hidup," kata RinggitPlus.

Dengan kurangnya berjimat dan kos barang yang lebih tinggi, soal selidik itu juga menyerlahkan trend yang membimbangkan.

"Lebih ramai pemegang kad kredit tidak membayar bil secara penuh dengan hanya 55 peratus (berbuat demikian) pada 2022 berbanding 70 peratus tahun lepas," katanya.

RinggitPlus juga mendapat rakyat Malaysia lebih memilih pelepasan kewangan jangka pendek berbanding ketabilan kewangan jangka panjang.

Data daripada Soal Selidik Literasi Kewangan Malaysia RinggitPlus (RMFLS) 2022 telah mendedahkan pelbagai kebenaran yang menyakitkan tentang keadaan kewangan semasa rakyat, termasuk simpanan yang semakin berkurangan, isu aliran tunai dan trend lain yang membimbangkan.

"Sebanyak 66 peratus responden berusia 21 tahun ke atas menyatakan mereka akan mempertimbangkan untuk memohon lebih banyak pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) jika kerajaan membenarkannya," katanya.

Tinjauan itu dijalankan dalam tiga bahasa melalui soal selidik dalam talian yang dikawal selia sendiri melalui platform analistik pihak ketiga, berdasarkan persampelan 3,144 rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas. - **BERNAMA**

Jualan produk PKS Fasarina Express Mart terima sambutan menggalakkan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

FASARINA Express Mart yang menawarkan jualan produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Sabah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk di Pulau Bebas Cukai itu.

Menurut pengasasnya, **Fauziah Datuk Mohd Din** dengan jualan produk PKS Sabah menjadikan Fasarina Express Mart sebagai satu pusat penjualan produk-produk daripada Tanah Besar Sabah di Labuan.

Katanya, ia turut dijadikan sebagai nilai tambah kepada perniagaan mereka dengan menjual

pelbagai produk tempatan untuk pilihan pelanggan.

"Kita juga berharap perniagaan ini menjadi tumpuan para pelancong tempatan dan luar negara untuk berbelanja.

"Saya turut berharap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak-pihak berkenaan khususnya agensi pelancongan di pulau ini untuk membantu mempromosikan pusat jualan kami," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pusat Jualan Produk Industri Kecil dan Sederhana Usahawan Sabah di Fasarina Express Mart di Patau-Patau, pada Sabtu lalu.

Majlis perasmian pembukaan itu disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah, Tseu Kei Yue.

Hadir sama, Presiden Dewan Perniagaan Usahawan Sabah, Anita Mohammad.

Dalam pada itu, Fauziah turut menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah dalam membantu pihaknya mendapatkan produk dan membantu para usahawan kecil Sabah meningkatkan mutu produk yang dikeluarkan.

Dengan usaha ini akan meningkatkan lagi keyakinan para usahawan dan mampu berdaya saing dalam perniagaan produk PKS ini.

"Saya berharap agar Fasarina Express Mart ini akan menjadi salah satu produk baharu pelancongan di Labuan pada masa akan datang dengan menjual dan mempromosikan produk PKS Sabah dan Labuan," katanya. WK



FAUZIAH (kiri) dan Tseu Kei Yue (dua dari kanan) ketika merasmikan pembukaan Fasarina Express Mart di Jalan Patau-Patau, pada Sabtu lalu.

MAIWP peruntuk RM800,000 perkasa pembangunan belia asnaf

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan telah memperuntukkan kira-kira hampir RM800,000 bagi memperkasakan pembangunan asnaf khususnya bagi golongan belia dalam bidang perindustrian.

Menurut Ketua Unit Pembangunan Asnaf MAIWP Labuan, **Mohd Syukur Norfini**, seramai 20 pelajar asnaf telah dibantu mengikuti Program Kemahiran Tinggi Bidang Kimpalan di Institut Kemahiran Mara, Kota Kinabalu.

Katanya, program itu bertujuan membantu golongan asnaf yang tercicir dari sudut pendidikan untuk meneruskan pengajian dalam bidang

kemahiran dan mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

"Dalam program ini, semua pelajar telah ditaja yuran pengajian dan elaun sepenuhnya oleh MAIWP.

"Sejumlah RM38,900 telah diperuntukkan bagi seorang pelajar meliputi yuran pengajian, penginapan, makan dan minum, insurans, kos pengurusan serta elaun sara diri RM300 sebulan.

"Program ini mensasarkan golongan belia berumur 18 hingga 35 tahun untuk menceburibidang perindustrian dan di penghujung program ini mereka akan dijamin mendapat pekerjaan tetap dengan syarikat-syarikat industri yang kita akan lantik," katanya

kepada pemberita, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Syukur berkata pihaknya akan terus melaksanakan program seumpama itu yang dilihat mampu membantu golongan asnaf dalam mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Terdahulu, seramai 20 pelajar melibatkan tiga pelajar perempuan telah mengikuti program berkenaan bermula pada hujung Oktober lalu kini sedang menjalani kursus Welding 3G/6G CSWIP UK + CSWIP UK 3.0 Visual Welding Inspector + NDT Appreciation dengan CIDB Green Card & OGSP License berserta Kursus Bahasa Inggeris. WK



SERAMAI 20 pelajar asnaf mengikuti Program Kemahiran Tinggi Bidang Kimpalan selama empat bulan di Institut Kemahiran MARA di Kota Kinabalu.



JUNAIDAH (tiga dari kiri) berkesempatan berbual bersama orang awam mengenai kadar barang keperluan termasuk telur semasa pemantauan dan pemeriksaan barang keperluan di sebuah pasar raya di sini, baru-baru ini.

Periksa dan pantau barang keperluan setiap hari di Labuan

BAGI memastikan barang keperluan asas sentiasa mencukupi di pasaran di pulau itu, Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDKSH) Labuan giat melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan.

Pengaruhnya, **Junaidah Arbain** berkata pemeriksaan dan pemantauan akan dilaksanakan di 15 lokalis di pulau tersebut bagi memastikan para peruncit tidak melakukan sebarang kesalahan dengan meletakkan harga bukan kawalan.

"Kita telah melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan ini pada setiap hari untuk memastikan barang keperluan asas mencukupi di pasaran.

"Selain itu, ia bertujuan memastikan harga barang asas seperti minyak masak, gula dan beras berada di tahap harga terkawal," katanya kepada pemberita selepas mengadakan

tinjauan pemeriksaan dan pemantauan di sebuah pasar raya di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut hasil pemantauan dan pemeriksaan itu dilaksanakan, Junaidah berkata pihaknya mendapat bekalan barang tersebut semakin stabil dan mudah didapati di semua peruncit.

"Kita dapatkan bekalan barang tersebut semakin stabil dari hari ke hari dimana pasukan penguat kuasa juga membuat pemantauan setiap hari bagi memastikan bekalan berada di pasaran serta semua peruncit mematuhi harga kawalan yang ditetapkan."

"Berdasarkan laporan dan pemantauan itu juga kami mendapat bekalan telur ayam juga semakin stabil dan mencukupi serta tiada peruncit yang menjual telur ayam (Gred A, B dan C) melebihi harga siling," katanya. WK

PERADUAN MEWARNA PM194



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM194".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **17 DISEMBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 196.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 192

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM192:


NURUL KHADIJAH TARMIZI
(9 tahun)
Presint 5, Putrajaya

HAZIQ ISKANDAR MOHD SUFFIAN
(12 tahun)
Seri Kembangan, Selangor

QISTINA AISHAA ISKANDAR
(10 tahun)
Nilai, Negeri Sembilan



TEKA SILANG KATA SK194



MELINTANG

1. Kepercayaan/ideologi
6. Gegendang telinga
8. Sampai
9. Teguran/sindiran
10. Sudah berumur
11. Salah satu negeri membentuk Negeri Sembilan
12. Profesjon/kemahiran khusus

KE BAWAH

1. Salinan visual
2. Percambahan/pembesaran di dalam tanah
3. Bahasa al-Quran
4. Keterlaluan/melampau
5. Ruang tanpa jirim/udara
7. Menara condong

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK194".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **17 DISEMBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 196.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK192:

HAROZI KAMALUDIN
(43 tahun)
Bukit Piatu, Melaka

MOHD ASRI KAMARUZZAMAN
(39 tahun)
Wangsa Maju, Kuala Lumpur

ALIA SURIATI AJAMAIN
(28 tahun)
Bandar Baru Bangi, Selangor

Ayam Goreng Berhantu tarik perhatian ramai



KEPEDASAN sos korea dan sos cheese yang dibuat menggunakan resipi sendiri menyebabkan Ayam Goreng Berhantu habis terjual sebanyak 70 hingga 80 ekor sehari.



FOTO: ARIFF AZMAN

HAZIRAH HALIM

BAGI mereka yang tinggal di sekitar Kampung Pandan Dalam, Kuala Lumpur, pasti sinonim dengan gerai, Ayam Goreng Berhantu yang sering menjadi tumpuan pelanggan biarpun terpaksa berurut di bawah terik matahari.

Menyajikan ayam goreng hangat dan rangup, ia bukan sahaja mendapat sambutan penduduk sekitar kawasan itu sebaliknya turut menarik perhatian pelanggan dari Negeri Sembilan, Perak dan Melaka.

Pengusaha, Roslinawati Sarip, 30, berkata keistimewaan resipi ini terletak pada rempah yang digunakan dalam perapan ayam serta bahanan sos cheese dan korean yang dicipta olehnya sendiri.

"Biasanya kami akan perap ayam beberapa jam terlebih dahulu bagi menambah keranggupan dan kesedapannya. Untuk sos pula, kami bincuh sos cheese dan korean yang mana ketika menikmatinya, pelanggan dapat merasai bau dan rasa sos tersebut," ujarnya.

Selain ayam goreng biasa, Ayam Goreng Berhantu turut mempertaruhkan menu ayam cheese dan ayam korean serta kombinasi menu iaitu ayam berperisa cheese dan korean, ayam cheese berserta ramen dan ayam korean berserta ramen.

Dengan harga yang berpatutan, Roslinawati mengakui ayam gorengnya sesuai dimakan oleh semua lapisan umur kerana rasanya yang tidak pedas selain kepelbagai menu yang diketengahkan.

Berkongsi tentang nama unik gerai tersebut, ia adalah inspirasi daripada



para pelanggan yang kebanyakannya akan datang berulang kali ke gerai setelah merasai keenakan Ayam Goreng Berhantu.

"Bagi yang pertama kali mencuba, saya pasti mereka akan mahu lagi. Jadi nama tersebut menggambarkan menu yang sentiasa menghantui pelanggan," ujarnya mengakui ayam goreng campuran cheese dan korean antara tarikan utama di gerainya.

TERJUAL 80 EKOR SEHARI

SIAPA sangka perniagaan yang diusahakan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu membawa hasil apabila ia tular di laman sosial TikTok pada November lalu.

"Saya tidak sangka Ayam Goreng Berhantu ini akan tular. Apapun saya ingin berterima kasih

kepada pelanggan yang datang membuat video dan berkongsi tentang perniagaan saya kepada orang ramai.

"Alhamdulillah penangan tular di TikTok membuatkan bekalan ayam yang dibawa ke gerai sebanyak 70 hingga 80 ekor sehari habis terjual. Sebelum ini kami cuma bawa 30 hingga 40 ekor sahaja tapi sejak tular, jumlah ayam juga bertambah," ujarnya yang turut dibantu suami dan tiga orang pekerja.

Tambahnya lagi, dia tetap akan memastikan saiz ayam yang dijual besar setanding harga agar pelanggan berpuas hati selain mengakui masih belajar menambah baik resipi dari semasa ke semasa.

"Selain goreng, pelanggan juga boleh menikmati minuman air jagung padu dan air buah naga koktel yang dijual di gerai sementara menunggu giliran untuk mendapatkan ayam goreng," katanya. **W.K**

INFO AYAM GORENG BERHANTU

Alamat: Jalan Pandan Medan, Kampung Pandan Dalam, 55100 Kuala Lumpur.

Waktu Operasi: 12 tengah hari sehingga selesai (sehingga ayam habis)

Harga: Ayam goreng biasa (RM1.50)
 Ayam mix cheese + korean (RM13.00 / 6 ketul)
 Ayam cheese (RM13.00 / 6 ketul)
 Ayam korean (RM13.00 / 6 ketul)
 Ramen ayam cheese (RM13.00 / 3 ketul)
 Ramen ayam korean (RM13.00 / 3 ketul)

Nombor Telefon: 011-3990 5446

Media Sosial: @ayamgorengberhantu (Instagram, TikTok dan Facebook)



AYAM Goreng Berhantu dijual dengan harga bermula RM1.50 bagi ayam goreng biasa manakala set campuran bersama ramen adalah RM13.

Temui maskot Didi & Friends di Hari Terbuka PPK



AINI MAWAWI

DIJANGKA lebih 1,000 pengunjung bakal memeriahkan Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) yang akan diadakan pada 10 hingga 11 Disember 2022 di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Pelbagai aktiviti menarik disusun sebagai pengisian program yang terbuka kepada semua peringkat umur serta melibatkan penglibatan golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Menurut Penolong Pengarah Kanan PPK, Perbadanan Putrajaya (PPJ), **Nornie Masiha Ab Manan**, sambutan tahun ke-16 kali ini lebih bermakna setelah dua tahun tidak dapat dianjurkan ekoran pandemik COVID-19.

"Setelah lama ditunggu, saatnya kini telah tiba. Untuk kali ini, kita juga melibatkan warga emas dan OKU yang mana turut diadakan aktiviti yang dapat disertai oleh mereka," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut tentang objektif utama penganjurannya, ia diadakan



NORNIE MASIHA



PERTANDINGAN Jom Deko Pusat Sumber Sekolah merupakan antara pertandingan yang dinanti-nantikan oleh peserta. - Gambar hiasan.

untuk mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan.

"Program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan yang disediakan dan mempromosikan lagi PPK bagi menarik lebih ramai komuniti menjadi ahli dengan pengisian program serta pertandingan berbentuk pendidikan," ujarnya.

Tambahnya lagi, Hari Terbuka PPK merupakan aktiviti kemuncak yang dianjurkan oleh Seksyen Pusat Pembelajaran Kejiranan, Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPJ pada setiap tahun.

"Semua dijemput hadir bagi memeriahkan lagi Hari Terbuka PPK 2022 untuk merebut pelbagai hadiah

menarik. Sesi penyampaian hadiah untuk Pertandingan Perpustakaan Keluarga, Pertandingan Jom Deko Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan Anugerah Ahli Aktif Tahunan 2022 turut diadakan pada 11 Disember 2022," katanya.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sebagai pengisian antaranya Pertandingan Domino Braille (OKU & Terbuka), Pertandingan Karom (OKU & Terbuka), Pertandingan Jumanji, Program Senam Tari Bersama Warga Emas, Pertandingan Mewarna & Mencipta Poster, Pertandingan Mereka Bentuk Blok, Program Kidtopia Craft & Workshop Activities, Kaunter Khidmat Pelanggan, Ekspo Jualan Buku & Pameran, Teka Silang Kata, Teka Muka Surat Buku dan lain-lain program. **WK**

HARI TERBUKA PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN PUTRAJAYA 2022

TARIKH: 10 - 11 DISEMBER 2022
MASA: 9.00PAGI - 5.00PETANG
LOKASI: KOMPLEKS KEJIRANAN PRESINT 11, PUTRAJAYA

10 DIS 2022

- Pertandingan Domino Braille
- Pertandingan Karom
- Pertandingan Jumanji
- Pertandingan Teka M/S Buku
- Program Senam Tari Bersama Warga Emas
- Sukaneka Rakyal
- Kaunter Khidmat Pelanggan
- Eksopo Jualan Buku & Pameran

11 DIS 2022

- Pertandingan Mewarna & Mencipta Poster
- Pertandingan Mereka Bentuk Blok
- Pertandingan Teka M/S Buku
- Kidtopia Craft & Workshop Activities
- Kaunter Khidmat Pelanggan
- Eksopo Jualan Buku & Pameran

IMBAS QR CODE

1 03-8887 7667 / 7670 / 7671 / 7681

PERSEMBAHAN MASKOT DIDI & FRIENDS
Ahad 11 Dis 2022
12.00 - 12.30 T. Hori
4.30 - 5.00 Petang

www.ppk.ppj.gov.my
[facebook.com/perpustakaanputrajayarasmii](https://www.facebook.com/perpustakaanputrajayarasmii)

Usahawan dijemput sertai Program Smartphone Fotografi dan Videografi Usahawan

ORANG ramai yang ingin mempelajari teknik mengambil gambar yang betul dan teknik menyunting video bagi tujuan *online marketing* dipelawa menyertai Program Smartphone Fotografi dan Videografi Usahawan.

Program yang bakal diadakan pada 17 dan 18 Disember 2022 bermula pukul 8.30 pagi hingga 5 petang bertempat di Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 ini amat sesuai untuk disertai oleh

usahawan.

Terhad kepada 20 orang peserta sahaja, pendaftaran boleh dilakukan melalui pautan <https://tinyurl.com/fotovideoputrajaya2022> dengan yuran penyertaan RM50 (Individu) sebelum 15 Disember 2022 (Khamis).

Untuk sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Unit Hal Ehwal Nilai, Ekonomi & Kebajikan Perbadanan Putrajaya : **03-8887 7155 / 7656** atau **019-799 7384** (Mimi) dan **019-616 5004** (Yani).



JANGAN lepaskan peluang mempelajari teknik mengambil gambar dan menyunting video.

TIP PENCEGAHAN JENAYAH PECAH RUMAH

-
- ANAS!!**
- Pastikan persekitaran rumah bersih dan terang**
- Jangan tinggalkan nota menunjukkan anda tiada di rumah**
- Jangan sembunyikan kunci rumah di luar rumah**
- Kenali jiran tetangga anda**
- Aktifkan rondaan keselamatan di kawasan kejiranan anda dan salurkan maklumat kejadian jenayah kepada pihak Polis**
- Kunci pintu dan tingkap pada waktu malam dan ketika tiada di rumah
 - Pasang kunci mangga tambahan
 - Simpan tangga dan peralatan pertukangan di tempat selamat
 - Maklumkan kepada Balai Polis berhampiran jika meninggalkan rumah untuk tempoh lama

Bahagian Mampu dan Perumahan

IPD Putrajaya 03-8886 2222 (IPD) 03-8886 2145 (Hotline)

Gandingan serasi rakan sepasukan

Hannah impi ke Olimpik

SABRINA SABRE

ATLET gimnastik Wilayah Persekutuan, Hannah Aisyah Abu Hassan menyifatkan gandingannya bersama atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 pada September lalu serasi dan sukar untuk dilepaskan.

Menurut atlet berusia 14 tahun itu, persefahaman dalam sukan berpasukan memerlukan usaha yang gigih daripada kesemua ahli dan memakan masa untuk dipupuk.

"Saya bersyukur kerana dikurniakan bukan sahaja gandingan-gandingan hebat ketika bermain tetapi juga rakan-rakan yang sangat mudah untuk bekerjasama dalam sesebuah pasukan. Kunci keserasian antara kami adalah dengan mengetepikan ego masing-masing demi kejayaan



bersama," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, kombinasi mereka tepat kerana kesemua ahli mempunyai matlamat yang sama iaitu mahu melakar kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Kami banyak berbincang berkenaan konsep koordinasi, kelenturan sertaimbangan dan menggunakan sebaik mungkin semasa berlangsungnya pertandingan. Dalam sukan gimnastik, konsep ini sangat penting," kongsi atlet kelahiran Kuala Lumpur ini.

Terdahulu, skuad gimnastik WiPers berada dalam kelas tersendiri apabila berjaya merangkul pingat emas acara berpasukan wanita SUKMA dengan mengatasi Selangor dan Negeri Sembilan yang masing-masing meraih perak dan gangsa dengan



HANNAH (kiri) bersama pasukan WiPers dalam Kejohanan SUKMA September lalu.

mengutip 21.200 dan 19.800 mata.

Mula berjinak-jinak dalam sukan gimnastik sejak berumur tujuh tahun, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Orkid Desa Kuala Lumpur ini berkata dia sering mewakili sekolah dalam sebuah kejohanan sehingga pada akhirnya memilih untuk bergiat

aktif.

"Saya bersyukur kerana mendapat sokongan penuh daripada keluarga dan rakan-rakan yang pasti akan bangga dengan pencapaian saya dalam arena sukan ini sedikit masa lagi," ujar anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik ini.

Pencapaian Hannah Aisyah

2022 - Sukan Malaysia - Emas

2022 - Kejohanan MSSM Hoki Dan Gimnastik Artistik - Emas

2019 - Kejohanan Sirkit Remaja Kebangsaan - Emas

2019 - Pesta Gimnastik Kuala Lumpur - Emas

Memasang impian untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti, gimnas muda itu berkata dia menjadikan atlet ski negara, Eileen Gu sebagai idolanya.

Bagi Hannah, untuk sampai ke tahap itu, dia perlu bekerja keras selain memberi komitmen yang sangat tinggi sama seperti yang dilakukan idolanya itu.

"Meskipun saya akan mengambil masa bertahun-tahun berusaha untuk melayakkan diri ke Olimpik namun amat berbaloi memandangkan ini adalah jalan yang saya pilih dan banggakan," ujarnya yang turut mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya berjaya. **WK**

Bapa gembira biasiswa selamatkan pelajaran, karier Aaliyah

JURULATIH luncur air kebangsaan, Hanifah Yoong Yin Fah terlalu gembira selepas anak gadisnya yang juga ratu luncur air negara, Aaliyah Yoong tidak perlu mengorbankan salah satu daripada impiannya disebabkan kesempatan kewangan.

Hanifah berkata sewaktu pandemik COVID-19 melanda, 'kantung' kewangan keluarga terjejas teruk susulan tidak dapat menjana pendapatan yang berpuncu daripada sekolah luncur air kendaliannya tidak dapat beroperasi.

Menurut beliau, situasi itu membuatnya terdesak dalam meneruskan kelangsungan hidup selain mengenangkan nasib Aaliyah, 19, yang belum pasti dengan membuat pertimbangan secara serius sama ada mahu berhenti belajar atau berhenti bersukan, ketika itu.

Namun, beliau bersyukur apabila Yayasan Sime Darby (YSD) tampil memberikan tajaan biasiswa selama lima tahun berjumlah RM1.1 juta kepada Aaliyah untuk menyambung pelajaran di Florida, Amerika Syarikat bermula Januari tahun depan sekali gus mencerahkan masa depan anak gadisnya itu.



AALIYAH (dua kanan) menerima biasiswa daripada Tunku Imran.

"Masa COVID-19, saya sendiri sangat terdesak sebab pendapatan sudah hilang 95 peratus daripada sekolah luncur air..kita (keluarga) rasa mungkin Aaliyah kena buat keputusan berhenti belajar atau berhenti sukan, kita tak mampu tanggung kedua-duanya dalam satu masa.

"Alhamdulillah YSD datang beri tajaan kepada dia (Aaliyah) untuk lebih maju mencapai kedua-dua impiannya yang sama penting iaitu jadi juara dunia dan berjaya dalam pelajaran dengan menggenggam segulung ijazah," katanya.

Katanya tajaan itu melegakan kerisauannya dari sudut kewangan selepas Aaliyah terpaksa menunggu lebih setahun untuk menyambung pelajaran, selain memastikan anaknya boleh menumpukan perhatian sepenuhnya mengejar cita-cita bergelar juara dunia dan meraih ijazah.

Terdahulu, Pengurus YSD Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar menyampaikan biasiswa lima tahun itu kepada Aaliyah yang akan melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Psikologi di Florida Southern College, sebuah kolej berprestij dengan kemudahan canggih dan telah melahirkan atlet ski bertaraf dunia. - **BERNAMA**



SEKITAR Majlis Penyerahan Jalur Gemilang ke Piala Dunia Dodgeball Mesir 2022.

27 pemain bawa cabaran negara ke Piala Dunia Dodgeball di Mesir

SKUAD dodgeball kebangsaan terdiri daripada 27 pemain bakal beraksi di Piala Dunia Dodgeball Mesir 2022 di Stadium Cairo pada 13 hingga 18 Disember ini.

Malaysia Dodgeball Federation (MDF) menerusi kenyataan memaklumkan penglibatan skuad kebangsaan dalam kejohanan anjuran ketiga Persatuan Dodgeball Dunia (WDA) itu adalah sebagai pendedahan kepada atlet kebangsaan sebelum menyertai temasya sukan antarabangsa seperti Sukan SEA.

"Ia juga untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pasukan dodgeball terbaik dunia selain memperkembangkan kemahiran atlet supaya dapat beraksi cemerlang di peringkat paling tinggi.

"Objektif lain adalah untuk memajukan dan mempromosikan

sukan ini agar mendapat tarikan dan penyertaan secara menyeluruh di semua peringkat," menurut MDF.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan yang baharu, Hannah Yeoh dalam ucapan pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang ke Piala Dunia Dodgeball Mesir 2022 berharap pasukan dodgeball negara akan memperoleh kejayaan di Piala Dunia sekali gus menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Skuad negara turut disertai lapan jurulatih dan ahli fisioterapi bakal berlepas ke Mesir pada 11 Disember ini.

Selain Malaysia, tujuh negara turut mengambil bahagian ialah Jepun, Hong Kong, England, Mesir, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Afrika Selatan dan Bulgaria yang akan bersaing dalam lima kategori iaitu lelaki, perempuan, campuran, bawah 21 tahun (B21) lelaki dan perempuan. - **BERNAMA**



Hannah impik Olimpik ►23

Penggunaan teknologi mampu kurangkan pelepasan karbon, jimat elektrik

AZLAN ZAMBRY

PROGRAM Kemudahan Pembaikan Bandaraya (CFF) yang mendorong pelaksanaan Sistem Penyejukan Daerah (DCS) dianggar dapat mengurangkan pelepasan karbon dengan lebih cepak sekaligus berpotensi menjimatkan penggunaan elektrik sebanyak 35 peratus.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata inisiatif menggunakan tenaga boleh diperbaharui akan menyebabkan pengurangan ketara dalam kos operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) khususnya kepada sistem penyejukan bangunan.

“DBKL membelanjakan purata 16.4 juta euro (RM75 juta) setiap tahun untuk elektrik yang termasuk lampu jalan, taman, pejabat, dewan masyarakat, fasiliti sukan, stadium dan kemudahan milik DBKL yang lain.

“Pada masa ini, kira-kira 65 peratus daripada jumlah kos tenaga kami adalah disebabkan oleh penyejukan bangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran C40 Cities Finance Facility (Cff) - Political And Technical Kick-Off di Institut Latihan DBKL pada Isnin.

Hadir sama, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Charles Hay; Timbalan Ketua Usaha Kedutaan Perancis, Virginie Bioteau; Timbalan Ketua Misi Kedutaan Jerman, Ulrike



PESURUHJAYA Tinggi Britain ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Charles Hay menerima cenderahati yang disampaikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah pada Isnin.

Wolf; Pengurus Projek C40 Cities Finance, Dr Marco Salm dan Pengurus Kanan Perhubungan C40 Cities Finance Facility, Bryn Boyce.

Katanya, pelaksanaan DCS yang akan membekalkan udara sejuk ke beberapa bangunan dalam lokaliti yang sama dari loji pusat merupakan sebahagian daripada Pelan Tindakan Iklim Bandar.

“Ia merayakan kerjasama tiga tahun antara DBKL, C40 Cities dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jerman ini dan ia akan membuka jalan kepada DBKL untuk mencapai agenda iklim untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar neutral karbon dan berdaya tahan iklim menjelang 2050.

Datuk Bandar berkata berpandukan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050, DBKL telah bekerjasama rapat dengan C40

Jelas Mahadi, pihaknya telah memulakan pembangunan Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 sebagai komitmen tinggi untuk mencapai sasaran tersebut.

“Dokumen-dokumen ini memaparkan penyelesaian komprehensif yang akan membolehkan kami merealisasikan cita-cita kami untuk Kuala Lumpur sebagai bandar neutral karbon dan berdaya tahan iklim menjelang 2050.



PENGURUS Kanan Perhubungan C40 Cities Finance Facility, Bryn Boyce sedang menyampaikan taklimat dalam Program CFF baru-baru ini.

Cities untuk melaksanakan tindakan iklim konkret dan aktiviti pengarus perdana dengan tumpuan untuk meningkatkan kecekapan tenaga serta memperluaskan penggunaan tenaga boleh diperbaharui di DBKL, komersial dan bangunan kediaman di seluruh Kuala Lumpur.


“Sebagai sebahagian daripada usaha untuk beralih kepada sumber tenaga yang lebih mampu, kami telah menyasarkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui untuk penjanaan elektrik, khususnya tenaga suria, daripada enam peratus pada tahun 2010, kepada 25 peratus menjelang 2030.

“Inisiatif ini bukan sahaja akan memastikan kesan alam sekitar yang minimum, tetapi ia juga akan membantu dalam memperkuuh

pembangunan ekonomi dan sosial warga kota,” katanya.

Beliau berkata sehingga kini DBKL telah pun memulakan pelbagai program untuk mencapai matlamat ini termasuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui di seluruh bangunan milik DBKL dengan pemasangan panel PV solar.

“Kami juga telah menguatkusakan peraturan ke atas pemaju untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus tenaga yang digunakan dalam projek mereka adalah daripada sumber tenaga boleh diperbaharui. Pada masa yang sama, kami juga sentiasa menggalakkan gaya hidup rendah karbon di kalangan pegawai DBKL dan warga Kuala Lumpur,” ujarnya. WK



NABILA bersama MK dalam video muzik Aku Terluka.

Dituduh gimik murahan, ini jawab Nabila Razali

DEEL ANJER

TIDAK dinafikan, gimik untuk menarik orang ramai memberi fokus atau sedar seseorang artis itu muncul dengan lagu baharu merupakan perkara biasa dilakukan.

Begitulah juga apabila Nabila Razali memuat naik foto perkahwinannya bersama MK K-Clive di media sosial, ramai yang sudah mengagak bahawa ia adalah gimik untuk penyanyi itu memperkenalkan produk baharu.

Apa yang berlaku, langkah tersebut tidak memberi impak kepada netizen.

Bagaimanapun Nabila, 30, menafikan bahawa itu adalah gimik dan gambar bersama penyanyi rap yang dimuat naik di media sosial adalah bagi mempromosikan lagunya, Aku Terluka.

“Ramai yang keliru tentang gimik dan teaser, bagi saya apa yang saya muat naik di Instagram itu hanya teaser untuk lagu baharu saya.

“Semua foto itu memang ada dalam video muzik itu dan tindakan membuat foto-foto lain di Instagram adalah supaya pengikut fokus dan sedar saya akan mempromosikan sesuatu produk.

“Sebagai seorang yang bekerja dalam industri kreatif, tidak menarik pula kalau kita terus memberi lagu kepada peminat,” jelasnya.

Dalam pada itu, Nabila berkata dia tidak mampu menghalang tanggapan orang ramai yang terus mengaitkan dirinya dengan gimik semata-mata.

“Selepas lagu Putus yang dilancarkan pada hari lahir saya tahun lepas, saya

kembali dengan lagu baharu ini yang merupakan kesinambungan kepada lagu Peluang Kedua.

“Saya rasa ada yang perlu saya jelaskan dalam lagu Peluang Kedua dan semuanya ada dalam lagu Aku Terluka ini.

“Saya berharap peminat dan pendengar muzik Malaysia dapat menerima lagu ini seperti lagu-lagu saya yang lain sebelum ini.

“Apa yang saya lakukan itu promosi dan bukan gimik. Tapi saya tidak boleh halang sangkaan orang ramai terhadap saya. Saya mahu orang berteka-teki dengan kemunculan lagu-lagu baharu saya. Tiada niat buat gimik semata-mata,” ujarnya.

Aku Terluka mengisahkan tentang sebuah percintaan yang tidak kesampaian kerana pemergian sang kekasih buat selamanya. WK